


"DAN Tuhan kamu berfirman : "Berdoalah kepada-Ku nescaya Aku memperkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadat kepada-Ku akan masuk Neraka Jahanam dalam keadaan hina".

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Ghafir, ayat 60

NBD, HUNGARY TERUS MEMPERKUKUHKAN HUBUNGAN MELALUI PENINGKATAN INTERAKSI



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Dua Hala bersama Presiden Hungary, Tuan Yang Terutama Dr. Tamás Sulyok. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said. (Lihat muka 4).

Tanggungjawab bersama melaksanakan amanah di jalan raya

Siaran Akhbar :
Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 November. - Para pengguna jalan raya diingatkan agar sentiasa mengutamakan sikap toleransi serta peka terhadap keadaan sekeliling. Ini kerana antara punca berlakunya kemalangan jalan raya ialah sikap ego yang ada pada diri seseorang sehingga hanya memikirkan kepentingan diri sendiri.

Antaranya memandu perlahan di lorong kanan, memotong kenderaan di hadapan tanpa memberikan isyarat terlebih dahulu, berlumba haram, tidak memakai tali pinggang keselamatan dan juga menggunakan telefon bimbit ketika memandu.

Jika perkara-perkara ini diberi perhatian, dicegah dan disertai dengan sikap tolak ansur insyaaAllah, risiko kemalangan lalu lintas jalan raya yang sehingga menyebabkan kematian dapat dicegah.

Memang mati itu pasti, namun sebagai umat Islam kita dianjurkan untuk sentiasa

berusaha antaranya dengan membaca doa dan berzikir sebelum memulakan perjalanan. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memberikan kerjasama padu dalam melaksanakan amanah ketika berada di jalan raya.

Jangan jadikan sikap keegoan membatasi fikiran sehingga mengundang kecelakaan kepada orang yang tidak berdosa yang akhirnya membawa penyesalan kepada diri sendiri.

>> Muka 8

KSSUP hargai jasa, bakti pesara

Berita : Siti Rokiah Abdullah

BERAKAS, Selasa, 18 November. - Seramai 50 pegawai dan kakitangan daripada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) serta jabatan-jabatan di bawahnya telah diraikan pada Majlis Penghargaan bagi pesara-pesara Kementerian berkenaan bagi tahun 2024, di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan KSSUP, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sijil-sijil kepada

para penerima ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Majlis seumpama ini bertujuan untuk meraikan para pesara, di samping sebagai tanda penghargaan atas sumbangan dan jasa bakti mereka sepanjang berkhidmat di KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya. Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis persaraan seumpama ini juga menjadi simbol penghormatan terhadap dedikasi mereka yang selama ini menjadi tulang belakang dalam melaksanakan amanah negara. Beberapa pesara telah berkongsi pengalaman mereka sepanjang mencurahkan khidmat bakti selama berkhidmat sebagai penjawat awam.

Dayang Hajah Zainab binti Haji Abdul Hamid, telah bersara pada Januari tahun lepas setelah berkhidmat selama 39 tahun di Jabatan Pertanian and Agrimakanan sebagai Ketua Juruteknik Makmal.

>> Muka 9

Berita Utama



101 graduan Micronet terima sijil

Muka 10



SM Katok adakan Majlis
Penyampaian Sijil

Muka 15



MEMUPUK kreativiti, daya inovasi
pelajar dengan pendekatan
pragmatik, realistik

Muka 18



RENCANA

GUNAKAN antimikrob secara
berhemah

Muka 19

Sektor swasta berperanan penting membangunkan industri pelancongan, mempelbagaikan ekonomi negara

Bismillahir Rahmanir Raheem
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Selamat Tengah Hari

ALHAMDULILLAH, segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan limpah kurnia dan bimbingan-Nya, kita berkumpul di sini untuk menyaksikan satu peristiwa penting yang telah dicapai dalam majlis menandatangani perjanjian antara Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Borneo Eco-Resort Sdn. Bhd. bagi projek untuk membangunkan, mengendali dan menyelenggara infrastruktur di Taman Rekreasi Hutan Berakas. Ini menandakan satu langkah penting dalam mengukuhkan landskap eko-pelancongan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan mempelbagaikan produk pelancongan kita sejajar dengan visi kita untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kedua-dua, Jabatan Perhutanan dan Borneo Eco-Resort Sdn. Bhd. mengenai perkongsian strategik ini, satu kerjasama yang menggabungkan inovasi, kemampanan, dan penglibatan masyarakat. Perkembangan ini mencerminkan keyakinan sektor swasta yang semakin meningkat dan menekankan komitmen KSSUP untuk memupuk perkongsian awam dan swasta

yang kukuh sebagai pemacu pertumbuhan pelancongan yang bertanggungjawab.

Projek ini akan menawarkan pengalaman pengembaraan dan berasaskan alam semula jadi yang lebih baik yang mengimbangi kemajuan dengan pemuliharaan, memastikan pembangunan seiring dengan perlindungan alam semula jadi kita untuk generasi akan datang. Ia sejajar dengan keutamaan negara kita di bawah Dasar Perhutanan NBD, Pelan Hala Tuju Industri Pelancongan NBD dan Wawasan Brunei 2035 yang lebih luas. Projek ini menunjukkan peranan penting sektor swasta dalam membangunkan lagi industri pelancongan kita pada masa yang sama melonjakkan lagi usaha mempelbagaikan ekonomi kita.

Setelah membincangkan inisiatif ini selama beberapa bulan, saya gembira kerana kita telah mencapai tahap yang penting ini. Sebagai projek pertama seumpamanya yang melibatkan sebuah resort bertaraf antarabangsa, adalah diharapkan ia akan meningkatkan pengalaman pelancong, menarik lebih ramai pelawat tempatan dan antarabangsa, mewujudkan pekerjaan baharu dan peluang perniagaan, dan menggalakkan pelancongan berasaskan pemuliharaan yang melindungi alam semula jadi Brunei yang bersih.

Saya juga gembira bahawa Borneo

Eco-Resort Sdn. Bhd. akan bekerjasama dengan jenama hospitaliti antarabangsa terkemuka untuk menyokong pengurusan, pembangunan dan promosi taman ini. Perkongsian sedemikian adalah penting untuk memastikan projek ini kekal berdaya maju dari segi komersial, mesra alam dan sosial inklusif mengukuhkan lagi keyakinan pelabur dalam sektor pelancongan Brunei sebagai destinasi utama bagi eko-pelancongan, kesejahteraan, dan penemuan kebudayaan.

Sebagai sebuah projek perintis, saya berharap inisiatif ini akan menggalakkan pihak berkepentingan yang lain untuk membangunkan pelancongan yang bertaraf antarabangsa. Saya yakin ia akan menjadi pemangkin kepada lebih banyak pelaburan swasta yang didorong oleh projek ini dalam masa terdekat.

Sedang kita melangkah ke hadapan, marilah kita memastikan projek ini terus dipandu oleh kemampanan, penglibatan masyarakat dan integrasi alam sekitar supaya pertumbuhan terus menyokong pemuliharaan, pendidikan, dan kesejahteraan masyarakat.

Sebagai penutup, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perhutanan, Borneo Eco-Resort Sdn. Bhd. dan semua rakan kongsi yang terlibat. Semoga kerjasama ini akan menjadi satu



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin ketika berucap pada Majlis Penandatanganan Perjanjian di antara Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Borneo Eco-Resort Sdn. Bhd. bagi Projek Membangun, Mengendali dan Memelihara Prasarana di Taman Rekreasi Hutan Berakas yang berlangsung pada Khamis, 6 November 2025 bertempat di Taman Rekreasi Hutan Berakas.

model bagaimana perkongsian dan inovasi dapat mewujudkan nilai yang berkekalan untuk rakyat dan negara kita.

Terima kasih.

Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

WAKTU SEMBAHYANG										
NOVEMBER	HARI	JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
19	RABU	28	4.38	4.48	6.09	6.33	12.07	3.28	6.02	7.15
20	KHAMIS	29	4.38	4.48	6.09	6.33	12.07	3.29	6.02	7.15
21	JUMAAT	30	4.38	4.48	6.10	6.33	12.07	3.29	6.03	7.16
22	SABTU	1	4.38	4.48	6.10	6.34	12.07	3.29	6.03	7.16
23	AHAD	2	4.38	4.48	6.10	6.34	12.08	3.29	6.03	7.16
24	ISNIN	3	4.39	4.49	6.11	6.34	12.08	3.30	6.03	7.16
25	SELASA	4	4.39	4.49	6.11	6.35	12.08	3.30	6.03	7.17

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
31 24 °C	32 25 °C	31 24 °C	
Pekan Bangar			
31 24 °C	31 25 °C	31 24 °C	
Pekan Tutong			
31 24 °C	32 25 °C	31 24 °C	
Kuala Belait			
31 24 °C	31 24 °C	31 24 °C	

Wallahuallah Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 19 NOVEMBER 2025

Pupuk kesedaran pengurusan kewangan

PENGURUSAN kewangan merupakan aspek penting dalam kehidupan individu dan masyarakat. Ia merangkumi perancangan, penyimpanan, pelaburan, dan perbelanjaan wang secara bijak. Dalam era moden yang penuh cabaran ekonomi, kesedaran terhadap pengurusan kewangan perlu dipupuk sejak awal agar individu mampu membuat keputusan kewangan yang bijak dan bertanggungjawab.

Salah satu sebab utama mengapa kesedaran pengurusan kewangan penting ialah untuk mengelakkan masalah kewangan seperti hutang berlebihan, pembaziran, dan ketidakstabilan ekonomi peribadi. Ramai individu, terutamanya golongan muda, terjebak dalam gaya hidup boros akibat kurang pengetahuan tentang pengurusan kewangan. Tanpa kesedaran yang kukuh, mereka mudah terpengaruh dengan budaya konsumerisme dan tawaran kredit yang melimpah ruah.

Kesedaran ini boleh dipupuk melalui pendidikan kewangan yang sistematik. Institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam menyediakan modul pengurusan kewangan asas kepada pelajar. Pendedahan awal kepada konsep seperti bajet, simpanan, pelaburan, dan risiko kewangan dapat membentuk sikap berhati-hati dan berdisiplin dalam menguruskan wang. Selain itu, ibu bapa juga berperanan sebagai contoh teladan dalam menunjukkan amalan kewangan yang baik di rumah.

Media massa dan platform digital turut menjadi medium berkesan dalam menyebarkan kesedaran kewangan. Kempen-kempen kesedaran seperti 'Bijak Belanja' dan 'Simpan Dulu Baru Belanja' mampu menarik perhatian masyarakat untuk menilai semula tabiat kewangan mereka. *Influencer* dan pakar kewangan yang berkongsi tip dan strategi pengurusan kewangan di media sosial juga membantu menjadikan topik ini lebih mudah difahami dan relevan dengan kehidupan seharian.

Di samping itu, badan tertentu mahupun institusi kewangan boleh memperkenalkan insentif dan program sokongan seperti literasi kewangan, aplikasi bajet, dan skim simpanan yang mesra pengguna. Usaha ini bukan sahaja meningkatkan pengetahuan kewangan rakyat, malah menggalakkan mereka untuk mengambil tindakan yang proaktif dalam merancang masa depan kewangan mereka.

Kesedaran pengurusan kewangan bukan sekadar tentang menyimpan wang, tetapi juga tentang membina kestabilan dan kebebasan kewangan. Individu yang celik kewangan lebih bersedia menghadapi kecemasan, merancang persaraan, dan mencapai matlamat hidup dengan lebih yakin. Oleh itu, pemupukan kesedaran ini perlu menjadi agenda bersama semua pihak demi kesejahteraan ekonomi masyarakat secara keseluruhan. - **Ketua Penyuntingan (Rd)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن، جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلّس سندیین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA PENGANUGERAHAN BINTANG KEBESARAN HUNGARY



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima penganugerahan Bintang Kebesaran Hungary 'The Grand Cross of The Hungarian Order of Merit with Chain and Gold Star'.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Hernie Suliana Haji Othman

BUDAPEST, HUNGARY,
Selasa, 18 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum

Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima penganugerahan Bintang Kebesaran Hungary 'The

Grand Cross of The Hungarian Order of Merit with Chain and Gold Star'.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Penganugerahan tersebut disampaikan oleh Presiden Hungary, Tuan Yang Terutama Dr. Tamás Sulyok Kehadapan

Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Anugerah tersebut, antara lainnya, adalah sebagai satu pengiktirafan dan simbol komitmen Hungary untuk terus bekerjasama dengan NBD dalam memelihara kesejahteraan rakyat kedua-dua buah negara. Anugerah tersebut merupakan penghormatan tertinggi daripada Hungary yang telah diwujudkan sejak negara berkenaan mencapai kemerdekaan.

NBD, Hungary perkukuh kerjasama kestabilan serantau

BUDAPEST, HUNGARY,
Selasa, 18 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Karmelita Monastery bagi menghadiri Majlis Working Luncheon yang dihoskan oleh Perdana Menteri Hungary, Tuan Yang Terutama Viktor Orbán.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Semasa Majlis Working Luncheon ini, kedua-dua pemimpin turut bertukar-tukar pandangan mengenai isu serantau dan antarabangsa, termasuk perkembangan ASEAN, hubungan ASEAN-EU, penglibatan Hungary di Asia Tenggara, perkembangan di Eropah dan Timur Tengah serta kerjasama dalam menangani perubahan iklim dan menggalakkan keamanan, kestabilan dan pertumbuhan mampan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menghadiri Majlis Working Luncheon yang dihoskan oleh Perdana Menteri Hungary.

bertitah mengenai ketersediaan Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk bekerjasama rapat dengan Hungary dalam memperkukuhkan kerjasama dalam menyokong kestabilan serantau dan hubungan antara rantau.

Baginda turut berkenan menyampaikan undangan kepada Tuan Yang Terutama Viktor Orbán untuk mengadakan Lawatan Rasmi ke NBD pada masa yang akan dipersetujui bersama.

Semasa Majlis Santap

tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia turut disampaikan kepada rombongan Hungary, manakala Tuan Yang Terutama Presiden Hungary diperkenalkan kepada ahli-ahli delegasi NBD.

Majlis Santap diserikan

dengan persembahan musik tradisi Hungary.

Sebelum berangkat dari Karmelita Monastery, Kebawah DYMM disampaikan dengan ucapan selamat berangkat daripada Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Hungary.

NBD, Hungary terus memperkukuhkan hubungan melalui peningkatan interaksi

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Hernie Suliana Haji Othman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Dua Hala bersama Presiden Hungary di Maria Theresa Salon, Sándor Palace, Hungary.

BUDAPEST, HUNGARY, Selasa, 18 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Dua Hala bersama Presiden Hungary, Tuan Yang Terutama Dr. Tamás Sulyok yang diadakan di Maria Theresa Salon, Sándor Palace, hari ini.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pada mesyuarat tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bertitah bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Hungary telah menikmati hubungan yang mesra dan bersahabat sejak terjalinnya hubungan diplomatik pada tahun 1992.

Hubungan tersebut diperkukuhkan melalui peningkatan interaksi, khususnya menerusi pertukaran rakyat-ke-rakyat serta kerjasama dalam rangka ASEAN-EU. Baginda berharap agar interaksi aktif antara kedua-dua Menteri Luar Negeri akan terus menyumbang kepada momentum positif hubungan dua hala dengan membuka ruang baharu untuk memperluaskan kerjasama.

Semasa Mesyuarat Dua Hala ini, baginda merakamkan rasa berpuas hati atas penandatanganan Memorandum of Understanding on the Establishment of Bilateral Consultations sebagai satu detik penting dalam mengukuhkan lagi dialog, persefahaman dan kerjasama institusi antara kedua-dua buah negara terutama sekali membuka peluang-peluang dalam bidang pelaburan, pendidikan, tenaga dan pembangunan kapasiti, dalam mendukung usaha-usaha mempelbagaikan ekonomi NBD di luar sektor minyak dan gas.

Baginda juga bertitah melahirkan penghargaan kepada Kerajaan Hungary atas penganugerahan biasiswa kepada kumpulan pertama pelajar NBD yang kini

berada di Hungary bagi pengajian mereka dan seterusnya mengalu-alukan para pelajar Hungary untuk melanjutkan pengajian mereka di NBD.

Dalam memperluaskan kerjasama dalam bidang pelancongan, baginda menyambut baik kemudahan pengaturan pengecualian visa dan berharap agar pertukaran budaya, belia dan profesional dapat terus diperkukuhkan demi merapatkan hubungan rakyat kedua-dua negara.

Semasa Mesyuarat Dua Hala ini juga, kedua-dua pemimpin turut bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama, termasuk perkembangan ASEAN, hubungan dialog ASEAN-EU dan penglibatan Hungary serta kemasukan bersejarah Timor-Leste sebagai Negara Anggota ASEAN Ke-11.

Baginda mengalu-alukan penyertaan Hungary pada Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN-EU Ke-25 yang akan dihoskan oleh NBD selaku Negara Penyelaras pada bulan April 2026. Manakala mengenai perubahan iklim, tegas baginda bahawa ia memerlukan usaha bersama yang berterusan.

Dengan penubuhan ASEAN Centre for Climate Change di NBD, pusat tersebut akan menjadi inisiatif serantau untuk menangani isu-isu alam sekitar. Sehubungan itu, baginda mengalu-alukan sokongan Hungary dalam aspek penyelidikan, perkongsian data dan pembangunan kapasiti berkaitan kemampanan.

Akhirnya, baginda turut berkenan menyampaikan undangan kepada Tuan Yang Terutama untuk mengadakan Lawatan Negara ke NBD pada masa yang akan dipersetujui bersama.

PERJUMPAAN TÊTE-À-TÊTE BERSAMA PRESIDEN HUNGARY


KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Perjumpaan Tête-À-Tête bersama Presiden Hungary, Tuan Yang Terutama Dr. Tamás Sulyok. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

BUDAPEST, HUNGARY, Selasa, 18 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Perjumpaan Tête-À-Tête bersama Presiden Hungary, Tuan Yang Terutama Dr. Tamás Sulyok di Sándor Palace, hari ini.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menzahirkan ucapan penghargaan kepada Tuan Yang Terutama atas undangan Keberangkatan Negara ke Hungary serta sambutan mesra dan layanan sangat baik dan menyatakan dengan keyakinan bahawa lawatan ini akan memperkukuh lagi hubungan dan



kerjasama dua hala antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Hungary.

Pada kesempatan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia

juga menzahirkan rasa penghargaan atas penganugerahan Bintang Kebesaran Hungary 'The Grand Cross of The Hungarian Order of

Merit with Chain and Gold Star' dan seterusnya mengundang Tuan Yang Terutama Presiden Hungary untuk mengadakan Lawatan Negara ke NBD.

BERANGKAT HADIRI MAJLIS SAMBUTAN KENEGARAAN

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama-sama Tuan Yang Terutama Presiden Hungary memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Hungarian Armed Forces semasa Majlis Sambutan Kenegaraan yang berlangsung di Kossuth Lajos Square, Budapest.



BUDAPEST, HUNGARY, Selasa, 18 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat memulakan Keberangkatan Negara ke Hungary dengan menghadiri Majlis Sambutan Kenegaraan berlangsung di Kossuth Lajos Square, Budapest.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dialu-alukan oleh Presiden Hungary, Tuan Yang

Terutama Dr. Tamás Sulyok.

Semasa majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama-sama Tuan Yang Terutama Presiden Hungary memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Hungarian Armed

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Hernie Suliana Haji Othman

Forces. Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara kemudiannya dimainkan. Baginda disembahkan kepada

rombongan Hungary, manakala Tuan Yang Terutama Presiden Hungary diperkenalkan kepada para delegasi Negara Brunei Darussalam.

Berkenan meletakkan kalungan bunga



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Meletakkan Kalungan Bunga yang bertempat di Heroes' Square, Budapest.

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Captain of The Garrison Unit, Mr. György Szuhár.

Heroes' Square (Hsök tere) merupakan salah satu mercu tanda utama di Budapest. Ia menempatkan salah satu simbol ikonik bandar, iaitu Tugu Peringatan Milenium, yang merangkumi tujuh ketua suku kaum Magyar yang mengasaskan Hungary dan ketua-ketua negara penting yang lain dalam sejarah Hungary.

BUDAPEST, HUNGARY, Selasa, 18 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke

Upacara Meletakkan Kalungan Bunga yang bertempat di Heroes' Square, Budapest.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli

KEBAWAH DYMM BERANGKAT TIBA DI BUDAPEST, HUNGARY



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Budapest, Hungary dan dijunjung serta dialu-alukan oleh Director-General of the Sándor Palace, Dr. Timár István Szilveszter dan Chief of Protocol of the Sándor Palace, Puan Katinka Kónya (atas dan kanan).



BUDAPEST, HUNGARY, Isnin, 17 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Budapest, Hungary, hari ini, bagi mengadakan Keberangkatan Negara yang dijadualkan berlangsung pada 18 November

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Hernie Suliana Haji Othman

2025.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sejurus keberangkatan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Liszt Ferenc Budapest, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung dengan diberi penghormatan Kawalan Kehormatan Statik serta

dialu-alukan oleh Director-General of the Sándor Palace, Dr. Timár István Szilveszter dan Chief of Protocol of the Sándor Palace, Puan Katinka Kónya.

Mengalu-alukan bersama keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Chargé d'Affaires ad interim di Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Brussels, Kingdom of Belgium (Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam Tidak Menetap ke Hungary), Jefferson Leong Weng Hong.

MoU memperluas rundingan, kerjasama dua hala

MENANDATANGANI MoU bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II dan Kerajaan Hungary diwakili oleh Tuan Yang Terutama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan (kanan). Turut hadir, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (kanan sekali).

BUDAPEST, HUNGARY, Selasa, 18 November. - Sempena Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Hungary, Memorandum of Understanding (MoU) on Bilateral Consultations telah ditandatangani antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara



Brunei Darussalam dengan Kerajaan Hungary.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof. Manakala Kerajaan

Hungary diwakili oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Tuan Yang Terutama Péter Szijjártó.

Memorandum Persefahaman tersebut bertujuan untuk melembagakan rundingan dua hala serta mengadakan pertukaran pandangan mengenai isu-isu



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Hernie Suliana Haji Othman

berkepentingan bersama bagi memperkukuh kerjasama dua hala dalam mencapai matlamat bersama.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri

Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

DOA KESYUKURAN SEMPENA MEMPERINGATI PENGEMASKINIAN NAMA STA HB



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ketika bergambar ramai pada majlis tersebut (atas), manakala gambar bawah kiri, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa merasmikan logo baharu madrasah.



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 November. - Bagi menzahirkan rasa syukur serta memohon keberkatan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, warga Sekolah Tinggi Arab Hassanah Bolkiah (STA HB) pagi tadi telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Memperingati Pengemaskinian Nama Sekolah daripada Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanah Bolkiah (SMALHB) kepada nama baharu yang rasmi iaitu STA HB. Majlis doa kesyukuran itu diadakan di Dewan STA HB.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin

Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Sellahuddin; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; pengarah-pengarah; ketua-ketua

jabatan serta para pegawai kanan KHEU.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran mantan-mantan pemimpin STA HB. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan ayat-ayat suci Al-Quran, disusuli oleh nyanyian Lagu Kebangsaan serta Lagu Rasmi sekolah. Majlis diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengetua STA HB, Dayang Hajah Azizah binti Haji Mohammad.

Acara turut diisikan dengan membaca Tahlil dan Doa bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Seterusnya, bacaan Doa Kesyukuran dipimpin oleh Awang Mohammad Saiful Wafi bin Haji Adis, dan diteruskan dengan persembahan puisi. Sementara itu, acara perasmian logo baharu madrasah dan pelancaran buku 'Menyingkap Kenangan, Meniti Sejarah' turut disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama di ruang legar pentadbiran.

Mengimbu sejarah penubuhannya, upacara Peletakan Batu Asas SMALHB telah disempurnakan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien pada 17 Jamadilawal 1384 Hijrah bersamaan 24 September 1964. Pembinaannya menelan belanja kira-kira dua juta ringgit dan siap pada tahun 1966, sebelum dirasmikan pembukaannya oleh baginda pada awal bulan Mei 1967.

Keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Oleh : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

terhadap persekolahan Arab dicerminkan melalui keberangkatan baginda mengunjungi sekolah berkenaan sebanyak lima kali, bermula pada tahun 2002, diikuti pada tahun 2007, 2012, 2016 dan 2018.

Keprihatinan baginda terhadap perkembangan sekolah-sekolah Arab diserlahkan lagi melalui perkenan baginda bagi penyelarasan nama SMALHB kepada STA HB pada 29 Mac 2025 yang lalu.



SUASANA sekitar majlis tersebut yang diadakan di dewan sekolah berkenaan.



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis tersebut.

جانباً من كاجي چوچاروني والاسلام

BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA
KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

17 GRADUAN BIASISWA KHEU DIRAIKAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan bergambar ramai semasa Majlis Penghargaan dan Doa Kesyukuran bagi meraikan 14 graduan yang cemerlang (kiri dan bawah).

penyampaian sijil dan hadiah penghargaan kepada para graduan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat dan diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran.

Majlis tersebut merupakan salah satu inisiatif bagi mendukung Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2025-2029 yang selaras dengan matlamat pertama Wawasan Brunei 2035 iaitu 'Melahirkan Rakyat Yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya'.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 November. - Seramai 17 graduan biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang terdiri daripada 14 graduan Peringkat Sarjana Muda dan tiga graduan Sarjana yang telah menamatkan pengajian dengan cemerlang pada tahun ini diraikan pada Majlis Penghargaan dan Doa Kesyukuran petang tadi bertempat di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Turut hadir, Timbalan Menteri

Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Ahli Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Sellahuddin; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; serta pegawai-pegawai kanan KHEU.

Majlis diadakan sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas pencapaian cemerlang yang diraih para graduan biasiswa setelah berjaya menamatkan pengajian mereka di institusi-institusi pengajian di dalam mahupun luar negara.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Sayyidul Istighfar oleh pegawai di KHEU, Awang Mohammad Zamery bin Haji Nayan, dan diteruskan dengan ucapan daripada Pemangku Pengarah Pengajian Islam, KHEU, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil selaku Pengerusi Majlis.

Dalam ucapannya, beliau menjelaskan, dari jumlah graduan yang diraikan, seramai enam graduan mengikuti pengajian di Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir; empat graduan dari Ma'ahad Qiraat Shoubra, Republik Arab Mesir; dua graduan dari University of Exeter, United Kingdom; seorang graduan masing-masing dari University of Leeds, dan University of Aberdeen, United Kingdom; dua graduan dari Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia; dan seorang graduan cemerlang dari Kolej Universiti Perguruan Ugama

Seri Begawan.
Kemuncak majlis menyaksikan



Tanggungjawab bersama melaksanakan amanah di jalan raya

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Demikian antara perkara yang ditekankan di dalam tazkirah yang disampaikan oleh Ketua Unit Da'wah Daerah Belait, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa, dari Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi menyerikan Munajat Khas anjuran KHEU Kali Ke-208 dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) kelolaan Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) sempena Hari Memperingati Mangsa-mangsa Lalulintas Jalan Raya Sedunia 2025.

Munajat Khas pada petang tadi itu disertai bersama oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, dari Surau KHEU; dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, selaku Pengerusi MKKJR dari Surau LTAB.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan

Infokomunikasi juga memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah. Turut menyertai, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan warga kerja di bawah KHEU serta MTIC dan juga ahli-ahli MKKJR.

Menyemarakkan lagi acara ialah murid-murid dan tenaga pengajar dari sekolah-sekolah di bawah KHEU dan Kementerian Pendidikan. Selepas bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, acara diikuti dengan bacaan Tahlil beramai-ramai dipimpin oleh Guru Ugama Terlatih, Sekolah Ugama Lambak Jalan Bedil, Kawasan Brunei IIA, Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Awang Muhd. Suhnoromardi bin Haji Suhaimi, dari sekolah ugama berkenaan.

Seterusnya, Doa Munajat Khas dibacakan oleh Timbalan Pengetua Pengajian Tinggi Diploma 'Aliyah Qiraat, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, KHEU, Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof, dari Musolla institut tahfiz tersebut.

Selesai tazkirah, Munajat Khas disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai oleh warga MTIC dari Surau LTAB. Kemudiannya, Doa



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi turut menyertai Munajat Khas secara dalam talian.

Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan

oleh Ketua Imam, Surau LTAB, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU,

Awang Mohammad Asyraf bin Haji Bujang, dari surau berkenaan.

KSSUP hargai jasa, bakti pesara



>> Muka 1

Sepanjang tempoh berkhidmat, beliau pernah ditempatkan di Unit Agrimakanan pada tahun 2008, sebelum berpindah ke Unit Kewangan dari 2009 hingga bersara, yang menonjolkan kemampuan beliau dalam



menyesuaikan diri dengan pelbagai bidang kerja.

Atas kesungguhan dan kerja kerasnya, beliau juga pernah menerima beberapa pingat dan bintang termasuk Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) dan Pingat Kerja Lama (PKL), melambangkan penghargaan terhadap kecemerlangan perkhidmatannya.

Sementara itu, Dayang Hajah Amsaiah binti Haji Mohiddin, yang menamatkan 33 tahun perkhidmatan, memegang jawatan kerani sebelum bersara.

Beliau sering dipertanggungjawabkan dengan beberapa tugas daripada pihak

DAYANG Hajah Amsaiah binti Haji Mohiddin (kiri) dan Dayang Hajah Zainab binti Haji Abd. Hamid (kanan).

atasan, termasuk urusan perhubungan awam dan pelbagai tugas luar pejabat yang memerlukan komitmen dan dedikasi. Beliau turut menerima beberapa pingat termasuk PIKB dan PKL, menggambarkan pencapaian sepanjang kerjayanya.

Berkongsi nasihat sebagai pesara, beliau menekankan bahawa kejayaan bekerja dalam sektor kerajaan bukan sekadar terletak pada kepandaian, tetapi pada kejujuran, amanah dan tekad untuk mengekalkan prestasi kerja yang cemerlang, walaupun berdepan cabaran.

Berkhidmat sebagai Penjaga Malam di Jabatan Perikanan, Awang Basar @ Kiflee bin Yusof menamatkan perkhidmatan beliau setelah 30 tahun bekerja di sektor kerajaan.

Komitmen beliau selama tiga



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ketika menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang penerima (atas) manakala gambar kiri, Yang Berhormat bergambar ramai bersama pegawai dan kakitangan KSSUP yang telah bersara.

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

dekad mencerminkan kesungguhan penjawat awam yang bekerja di lapangan bagi memastikan amanah dipikul terlaksana dengan sempurna.

Turut diraikan ialah Awang Haji Rahman bin Haji Jerudin, berusia 55 tahun, yang bersara sebagai Renjer Hutan di Jabatan Perhutanan. Sepanjang kerjayanya beliau memastikan penguatkuasaan perhutanan dijalankan mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan.

Dalam pesanan ringkas tetapi bermakna, beliau menyarankan agar setiap penjawat awam bekerja dengan jujur, amanah dan berdedikasi, kerana nilai-nilai tersebutlah yang menjadikan seseorang itu dihormati.

Majlis penghargaan ini menjadi simbol penghormatan terhadap para pesara yang telah menyumbangkan jasa, tenaga, masa dan kemahiran mereka demi menyokong pelaksanaan dasar



AWANG Basar @ Kiflee bin Yusof (kiri) dan Awang Haji Rahman bin Haji Jerudin (kanan).

serta pembangunan negara.

Pengalaman mereka menjadi cerminan nilai murni seorang penjawat awam, sekali gus menjadi inspirasi buat generasi baharu untuk meneruskan kecemerlangan perkhidmatan dengan integriti dan semangat yang tinggi.

DOA KESYUKURAN SEMPENA PENUBUHAN RB KE-51



Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 November. - Royal Brunei Airlines (RB) hari ini meraikan Ulang Tahun Penubuhan Ke-51 syarikat penerbangan tersebut dengan mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Doa Kesyukuran serta Sembahyang Fardu Maghrib dan Fardu Isyak Berjemaah di Masjid Ash-Shaliheen, Jalan Perdana Menteri, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pembangunan selaku Pengerusi RB, Yang Berhormat

Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Interim RB, Kolonel Norsuriati binti Haji Sharbini, bersama pihak pengurusan dan kakitangan RB, ahli keluarga serta pelbagai pihak berkepentingan.

Majlis berkenaan diadakan bagi menzahirkan rasa syukur atas kejayaan dan pencapaian RB sejak penubuhannya pada 18 November 1974 sebagai syarikat pembawa bendera kebangsaan Negara

Brunei Darussalam.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin, diikuti Doa Kesyukuran bagi memohon keberkatan, keselamatan serta kelancaran operasi syarikat.

Acara juga diteruskan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib dan Fardu Isyak secara berjemaah yang diimamkan oleh Imam Masjid Ash-Shaliheen.

YANG Berhormat Menteri Pembangunan ketika hadir pada majlis tersebut yang diadakan di Masjid Ash-Shaliheen (atas, atas kanan dan kanan).



101 GRADUAN MICRONET TERIMA SIJIL



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

JERUDONG, Selasa, 18 November. - Seramai 101 graduan diraikan pada Majlis Konvokesyen Micronet International College (MIC / Micronet) 2025 yang berlangsung di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Dr. Haji Azman bin Ahmad; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Dr. Chin Wei Keh; Pengarah Urusan

Micronet, Sylvester Yong; dan Pengurus Besar juga selaku Pengetua Micronet, Sharon Chin.

Dalam ucapan Sharon Chin, beliau ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah atas segala pencapaian yang telah dicapai sepanjang perjalanan pendidikan para graduan.

"Sama ada mereka akan meneruskan pengajian, melangkah ke alam pekerjaan, atau memulakan usaha keusahawanan sendiri, ketahuilah bahawa pengalaman mereka di Micronet telah membekalkan mereka dengan kemahiran dan

YANG Berhormat Menteri Pendidikan ketika menyampaikan sijil kepada graduan (kiri) manakala gambar bawah kanan, suasana sekitar majlis tersebut.

pengetahuan yang diperlukan untuk berjaya.

"Kami percaya akan potensi para graduan dan yakin bahawa awda akan memberikan sumbangan yang bermakna kepada masyarakat pada masa-masa akan datang," tambahnya lagi.

Graduan tahun ini menamatkan pengajian dalam pelbagai program IT dan Perniagaan, antaranya Pearson BTEC Level 1 Introductory Diploma in Information Technology; Pearson BTEC International Level 2 Certificate in Information Technology; Pearson BTEC International Level 3 Diploma in Information Technology; Pearson BTEC Level 5 Higher National Diploma in Computing; Pearson BTEC Level 5 Higher National Diploma in Computing (Network Engineering); Pearson BTEC Level 5 Higher National Diploma in Computing (Cyber Security); Pearson BTEC Level 1 Introductory Diploma in Business; Pearson BTEC International Level 2 Certificate in Business; dan Pearson BTEC International Level 3 Diploma in Business.

Antara wakil graduan dan penerima Anugerah Kepujian Khas (Special Merit Awards) ialah Dayang Hanis Hamimi binti Mohamad Faisal, Pearson BTEC Level 5 HND in Computing (Network Engineering) dan Awang Ahmad Nabil bin Kassim, Pearson BTEC International Level 3 Diploma in Information Technology.

Micronet juga merupakan rakan satelit kepada Universiti Teknologi Brunei (UTB) bagi pelaksanaan Program BriCOMP, iaitu laluan khas selama 14 minggu bagi pelajar yang tidak memenuhi syarat minimum A-Level atau IB untuk mengikuti program Ijazah Sarjana Muda di UTB.

Selain itu, Micronet turut menawarkan Program Ijazah

Bersama UTB-MIC, iaitu UTB-MIC Computing Degree Programmes dalam BSc. (Hons) in Computer Networking dan Sc. (Hons) in Computing (Software Development); juga UTB-MIC Business Degree Programmes dalam Bachelor of Business (Hons) in Marketing and Information Systems dan Bachelor of Business (Hons) in Business Information Management.

Pendaftaran bagi pengambilan April 2026 kini dibuka.

Orang ramai boleh melayari laman sesawang rasmi di www.micronet.com.bn atau *Micronet Brunei* di Facebook atau *MicronetBruneiIG* di Instagram atau menghubungi +673 2451133 (Kampus Gadong) atau +673 2611133 (Kampus Jerudong).



Sesi muzakarah memahami perjalanan transformasi pengkorporatan JPP



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir ke Sesi Muzakarah (Townhall) Pengkorporatan Jabatan Perkhidmatan Pos yang telah mengambil tempat di Seri Qlap Mall (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 November. - Kira-kira 220 pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) telah menghadiri Sesi Muzakarah (Townhall) Pengkorporatan JPP yang berlangsung di Seri Qlap Mall, baru-baru ini.

Sesi muzakarah ini merupakan kesinambungan daripada beberapa sesi-sesi muzakarah yang telah diadakan bersama kesemua warga JPP untuk menjadikan proses pengkorporatan berkenaan lebih telus dalam memahami perjalanan transformasi jabatan berkenaan kepada Syarikat POSBru Sendirian Berhad.

Semua fungsi dan operasi JPP akan diambil alih secara rasminya oleh Syarikat POSBru Sdn. Bhd., sebuah Syarikat Berkaitan

Kerajaan (Government Linked Company). Tarikh bermulanya operasi POSBru Sdn. Bhd. akan diumumkan kepada orang ramai kemudian.

Hadir ke sesi muzakarah tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal) selaku Pengerusi Lembaga Pengarah POSBru Sdn. Bhd., Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; dan Setiausaha Tetap di MTIC, Ir. Awang Haji Mohamad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di MTIC berserta wakil-wakil daripada Jabatan Perkhidmatan

Awam, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Pihak Berkuasa Industri Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dan Syarikat POSBru Sdn. Bhd.

Sesi dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti ucapan alu-aluan daripada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi serta taklimat pengkorporatan oleh pihak POSBru Sdn. Bhd.

Sesi turut disusuli dengan soal jawab yang berlangsung secara interaktif, memberi ruang kepada pegawai dan kakitangan untuk mendapatkan pencerahan terhadap soalan-soalan yang dikemukakan.

SESI soal jawab secara interaktif turut diadakan pada sesi muzakarah tersebut.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi



PERASMIAN SIMPOSIUM KESUSASTERAAN KEBANGSAAN 2025



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan simposium (kanan) manakala gambar atas, sekitar majlis tersebut.

BERAKAS, Selasa, 18 November. - Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Kumpulan Putra Seni menganjurkan Simposium Kesusasteraan Kebangsaan Kali Kedua pada 18 dan 19 November 2025 bertempat di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan simposium tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia

Awang Haji Nazmi Mohamad. Simposium pertama yang diadakan pada tahun 2023 memberi tumpuan kepada kegiatan sastera, Muslim Burmat.

Bagi simposium kali ini yang bertemakan 'Menelusuri Warisan Sastera Shukri Zain : Inspirasi untuk Nasionalisme dan Nilai-nilai Kebruneian', sebanyak dua kertas ucapan utama dan 12 buah kertas kerja akan dibentangkan, kesemuanya berfokus pada kegiatan sastera Allahyarham Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Awang Haji Mohd.

Zain bin Haji Serudin, yang juga dikenali dengan nama pena Shukri Zain.

Yang Berhormat Pehin bukan sahaja seorang ugamawan, ahli politik, pentadbir, mantan ahli beberapa buah Majlis Mesyuarat Diraja, mantan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, malahan juga terkenal dalam bidang sastera termasuk penciptaan lirik lagu, penulisan skrip dan pengarah drama; pembentangan kertas kerja, puisi serta penulisan buku ilmiah.

Perakuan kecemerlangan Yang Berhormat dalam bidang sastera diiktiraf melalui penganugerahan, antaranya sebagai penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (SEA Write Award) pada tahun 1991.

Pada hari kedua simposium, akan diadakan Malam Mutiara Shukri Zain sebagai penghargaan kepada mereka yang telah bekerja keras menjayakan Simposium Kesusasteraan Kebangsaan Kali Kedua. Persembahan dan pengisian malam tersebut akan memfokuskan kepada kegiatan sastera, Shukri Zain.

Terdahulu, Ketua 1 ASTERAWANI selaku Pengerusi Bersama Simposium Kesusasteraan Kebangsaan Kali Kedua 2025, Profesor Ampuan Dr. Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah, dalam ucapannya, menjelaskan bahawa kegiatan



Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

yang diadakan setiap dua tahun sekali ini bertujuan untuk memperingati jasa dan sokongan tokoh penulis tempatan kepada perkembangan kesusasteraan Brunei.

Menurut beliau, sebanyak 14 kertas kerja termasuk dua kertas ucapan utama akan dibentangkan dalam simposium tersebut.

Ucap utama 1 akan disampaikan oleh Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, manakala ucapan utama 2 akan disampaikan oleh Dato Jasni

Matlani daripada Persatuan BAHASA Sabah yang akan melihat ketokohan Shukri Zain daripada perspektif sasterawan luar negara.

Selain kegiatan utama, majlis turut diserikan dengan pelancaran buku terbitan ASTERAWANI bertajuk 'Wacana Fikir' yang menghimpunkan 11 buah hasil nukilan penulis dalam bentuk puisi esei suatu genre baharu dalam sastera di Negara Brunei Darussalam. Pelancaran tersebut bersempena dengan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

MDPMAMB rai 5 dekad kecemerlangan akademik, kepimpinan, khidmat bakti

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

GADONG, Isnin, 17 November. - Pada 1975, Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (MDPMAMB) mula dikenali sebagai Pusat Tingkatan Enam dan merupakan Pusat Tingkatan Enam pertama ditubuhkan di negara ini.

Kemudian pada 1986, ia telah ditukar nama menjadi MDPMB.

Sehubungan dengan itu sebagai manifestasi kejayaan maktab berkenaan sebagai institusi Tingkatan Enam yang terulung dan tertua di negara ini, maktab berkenaan pagi tadi mengadakan Majlis Pelancaran Festival Jubli Emas sempena Sambutan 50 Tahun Penubuhan MDPMB 1447 Hijrah / 2025 Masihi, bertempat di Auditorium Citra Gemilang.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi merasmikan pelancaran festival berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, yang merupakan mantan Pengetua

MDPMAMB (1981).

Majlis terdahulu dimulakan dengan bacaan Doa Khas sempena Sambutan Jubli Emas, diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan, Lagu Maktab dan Lagu Famili maktab berkenaan oleh Kelab Koir MDPMB.

Seterusnya ucapan alu-aluan disampaikan oleh Pengetua MDPMB, Dayangku Hajah Nooramaliatifah binti Pengiran Haji Ahmad, yang antara lain menggariskan selama lima dekad, MDPMB telah menjadi tunjang utama dalam melahirkan generasi pewaris bangsa, pemimpin, profesional, dan tenaga kerja mahir yang berpegang teguh kepada falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

"Lima dekad perjalanan MDPMB bukan sekadar satu angka, tetapi merupakan sejarah perjuangan, dedikasi dan komitmen seluruh warga pendidik, pelajar serta komuniti yang sama-sama membina kecemerlangan maktab sejak

1975," ujarnya.

Pengetua MDPMB juga mengongsikan Festival Jubli Emas berkenaan turut diisi dengan pelbagai aktiviti yang bukan sahaja mempamerkan kecemerlangan akademik, kreativiti dan pedagogi kemahiran insaniah, dan semangat keusahawanan para pelajar dan pensyarah.

Sebagai sebahagian daripada acara, penyampaian hadiah diadakan bagi pemenang Peraduan Mencipta Logo Jubli Emas, diikuti dengan penyampaian cenderamata khas kepada mantan-mantan pengetua sebagai tanda penghargaan atas jasa dan sumbangan mereka dalam membentuk identiti dan arah tuju maktab dengan meletakkan asas yang kukuh demi meneruskan legasi kecemerlangan dalam pendidikan pra-universiti di negara ini.

Majlis turut diserikan dengan persembahan khas bagi memeriahkan suasana sambutan. Selepas majlis pelancaran, tetamu kehormat majlis bersama para jemputan khas dibawa melawat ke Pameran-pameran Jubli Emas di Perpustakaan Maktab dan Pusat Pembelajaran dan Perkhidmatan Pelajar (SLSC), sebelum menamatkan lawatan di Bazar Jubli Emas yang diadakan di kawasan letak kereta pensyarah.

Di SLSC mempamerkan perjalanan pendidikan maktab menerusi tema 'From Chalk to AI : 50 Years of Teaching and Learning Evolution' dengan memberikan penghormatan kepada dedikasi dan ketabahan para pensyarah serta warga MDPMB yang telah



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa merasmikan Festival Jubli Emas sempena Sambutan 50 Tahun Penubuhan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (MDPMAMB).

melalui lima dekad perubahan, inovasi dan pembangunan dalam dunia pendidikan.

Pameran yang disertai oleh 17 jabatan berkenaan juga turut mempamerkan kecemerlangan akademik, kreativiti dan pedagogi berkesan serta kejayaan Pelan Penambahbaikan Sekolah (School Improvement Plan) dalam bidang Fokus 'Cultivating Creativity and Innovation : Strategies to Improve Student Achievement in MDPMB'.

Seterusnya, Galeri Sanjungan Budi bertempat di perpustakaan maktab berkenaan yang memperlihatkan sejarah kegemilangan MDPMB dari 1975 hingga sekarang dengan koleksi gambar-gambar, buku-buku dan keratan-keratan akhbar selama lima dekad.

MDPMAMB telah dianugerahkan 'Outstanding School : Top School Improvement Plan 2025 Award' semasa Cluster Summit pada 13 November baru-baru ini, yang melayakkan MDPMB untuk bertanding di Anugerah Inovasi Sekolah

Peringkat Kebangsaan yang akan berlangsung pada tahun hadapan.

Pada masa yang sama juga, MDPMB turut dianugerahkan 'Outstanding School : Local and International Involvement Excellence Award 2025', melalui hasil pencapaian cemerlang para pelajar dalam aktiviti kokurikulum, sukan serta khidmat masyarakat bukan hanya di peringkat kebangsaan tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Selama empat tahun berturut-turut juga, MDPMB telah berjaya meraih pengiktirafan cemerlang melalui Penilaian Keseluruhan Sekolah (WSE) yang merangkumi empat domain, iaitu Kepimpinan dan Pengurusan, Pembelajaran dan Pengajaran, Etos dan Persekitaran, dan Hasil Pembelajaran.

Majlis Pelancaran Festival Jubli Emas berkenaan menandakan kemuncak kepada rangkaian acara Sambutan Ulang Tahun Ke-50 MDPMB, yang merayakan lima dekad kecemerlangan akademik, kepimpinan, dan khidmat bakti kepada negara.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa Majlis Pelancaran Festival Jubli Emas MDPMB.

Dasar pelancongan berkesan, berasaskan pandangan mantap



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 November. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dengan kerjasama Pelancongan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau UN Tourism telah menganjurkan Bengkel Serantau Pelancongan PBB mengenai 'Menilai Kemampanan Pelancongan di Asia dan Pasifik'.

Majlis pembukaan bengkel tersebut berlangsung di Mutiara Ballroom, Radisson Hotel, pagi tadi.

Bengkel yang akan diadakan sehingga 20 November 2025 ini telah menghimpunkan lebih 60 peserta termasuk 20 peserta antarabangsa dari rantau Asia dan Pasifik termasuk Pihak Berkuasa Pelancongan Kebangsaan, Pejabat Perangkaan Kebangsaan serta institusi-institusi utama lain.

Di samping itu, golongan pakar antarabangsa yang melibatkan pihak berkepentingan tempatan daripada agensi kerajaan, swasta,

Institusi Pengajian Tinggi, penyedia perkhidmatan pelancongan dan komuniti tempatan turut menyertai bengkel tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis pembukaan berkenaan ialah Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiatiy binti Haji Abdul Wahab.

Dalam ucaptamanya, beliau antara lain menggariskan bahawa dasar pelancongan yang berkesan perlu berasaskan kepada pandangan yang mantap serta dipacu data untuk menyokong perancangan yang lebih strategik, penyelarasan dan membuat keputusan yang lebih termaklum.

Beliau menekankan, penggunaan *measurable indicators* bukan sahaja akan mengukuhkan rangka kerja pengawalseliaan untuk melindungi daripada kemerosotan alam sekitar, tetapi juga menyerlahkan nilai sebenar kemampanan sosial, pemeraksanaan ekonomi, pemilikan komuniti dan pemeliharaan

warisan budaya.

Turut hadir, Pengarah Serantau bagi Asia-Pasifik, Pertubuhan Pelancongan Sedunia PBB, Harry Hwang; Pemangku Pengarah, Jabatan Kemajuan Pelancongan, KSSUP, Dayang Salinah binti Haji Mohd. Salleh; para pembentang dan wakil-wakil daripada Pelancongan PBB serta peserta bengkel.

Bengkel berkenaan turut menggabungkan dialog peringkat tinggi dengan sesi teknikal dan penyertaan yang menangani dimensi ekonomi, sosial dan alam sekitar bagi kelestarian pelancongan.

Para peserta berpeluang meneroka aplikasi Rangka Kerja Perangkaan bagi Menilai Kemampanan Pelancongan (Statistical Framework for Measuring the Sustainability of Tourism - MST) dan peralatan berkaitan, termasuk Akaun Satelit Pelancongan (Tourism Satellite Account - TSA), dan Sistem



SETIAUSAHA Tetap KSSUP ketika bergambar ramai pada majlis tersebut (kiri) manakala gambar atas dan bawah, sekitar majlis pembukaan tersebut yang diadakan di Radisson Hotel.

Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami

Perakaunan Alam Sekitar - Ekonomi (System of Environmental - Economic Accounting, SEEA).

Melalui kajian kes dan latihan, para peserta dapat mengkaji cara untuk mengukuhkan penyelarasan institusi antara pihak berkuasa pelancongan dan statistik, menambah baik data tadbir urus pelancongan dan menggunakan sistem maklumat bersepadu untuk penggabalan dasar berasaskan bukti serta pengurusan destinasi.

Bengkel ini juga mengetengahkan perbincangan mengenai penilaian pekerjaan pelancongan, penglibatan komuniti, dan interaksi pelancongan dengan persekitaran.

Program tersebut berfungsi sebagai platform untuk pembelajaran rakan sebaya dan kerjasama serantau, yang mengesahkan komitmen negara-negara di Asia dan Pasifik bagi memajukan penilaian pelancongan sebagai asas utama untuk pembangunan pelancongan yang mampan dan berdaya tahan.

Para peserta juga akan berpeluang untuk mengadakan lawatan ke Daerah Tutong sebagai sebahagian daripada lawatan teknikal mereka, yang mana ia dihasrat bagi mempamerkan kaedah pelancongan berasaskan komuniti yang mampan, selain memberikan pendedahan mengenai kekayaan warisan budaya negara ini dan juga pengalaman pelancongan budaya dalam persekitaran semula jadi.



MEMPERKASA PETANI TEMPATAN, MENINGKATKAN PERDAGANGAN SERANTAU



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi ketika bergambar ramai semasa menghadiri Ministerial Retreat and the 28th BIMP EAGA Ministerial Meeting yang diadakan di Republik Filipina.

DAVAO CITY, Isnin, 17 November. - Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Awang Mohammad Harris bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim, baru-baru ini menghadiri Ministerial Retreat and the 28th BIMP EAGA Ministerial Meeting yang diadakan di Davao City, Republik Filipina pada 13 dan 14 November 2025.

Mesyuarat berkenaan

dipengerusikan oleh Menteri Penandatanganan BIMP-EAGA bagi Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Setiausaha Leo Tereso Magno; dan dihadiri oleh Menteri-menteri Penandatanganan BIMP-EAGA lain, Ketua Menteri dan Gabenor BIMP-EAGA, pegawai-pegawai kanan BIMP-EAGA, Bank Pembangunan Asia (Asian Development Bank-ADB) dan Sekretariat ASEAN.

Mesyuarat mengambil maklum keputusan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOM) BIMP-EAGA Ke-33 yang meliputi antara lain, perkembangan Kluster dan Kumpulan Kerja termasuk penukaran nama Kluster Maklumat dan Komunikasi (ICT) kepada Kluster Digital, dengan skopnya yang diperluaskan untuk memanfaatkan teknologi baharu muncul seperti Kecerdasan Buatan (AI), penubuhan Pasukan Petugas

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Halal dan Kumpulan Kerja Zon Ekonomi bagi menggiatkan lagi peluang yang tersedia dalam koridor ekonomi BIMP-EAGA; serta pemeteraian perjanjian antara Wasan Milling Co. Sdn. Bhd. Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Perbandaran Nara, Palawan, Republik Filipina yang bertujuan memperkasa petani tempatan dan meningkatkan perdagangan serantau.

Selain mengambil maklum hasil 7th Chief Ministers, Governors, Local Government Forum (CMGLF), antara lain dalam memperkukuh peranan CMGLF dalam menterjemahkan strategi sub-serantau kepada tindakan tempatan yang konkrit di peringkat tempatan; dan meneruskan kerjasama sub-nasional, termasuk melalui forum dua hala atau rentas sempadan untuk menggalakkan inisiatif saling melengkapi serta pemuktamadan berterusan Pelan Tindakan Kerjasama BIMP-EAGA dan China 2026-2030.

Mesyuarat amat mengalu-alukan laporan kemajuan mengenai Wawasan BIMP-EAGA (BEV) 2035, yang dijangka meneruskan kesinambungan daripada BEV 2025 sebelumnya dan berperanan sebagai prinsip panduan ke arah mencapai

pertumbuhan sosioekonomi yang lebih pesat di seluruh rantau ini.

Kenyataan Media Bersama bagi Mesyuarat Menteri-menteri BIMP-EAGA Ke-28 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan tersedia untuk dimuat turun melalui laman sesawang BIMP-EAGA.

Mesyuarat Menteri-menteri BIMP-EAGA Ke-28 dan Mesyuarat Berkaitan didahului oleh BIMP-EAGA SOM Ke-33, serta Mesyuarat BIMP-EAGA SOM dan China Ke-16 dan Mesyuarat BIMP-EAGA SOM dan Sekretariat ASEAN pertama masing-masing diadakan pada 12 dan 13 November 2025.

Sementara itu, Persidangan Pelaburan BIMP-EAGA (BIMP-ICON) turut dijalankan di luar Mesyuarat Menteri-menteri dengan NBD telah menandatangani empat Memorandum Persefahaman (MoU) berkaitan pembangunan ICT semasa acara berkenaan.

Ditubuhkan pada 1994, BIMP-EAGA ialah satu inisiatif antara NBD, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Filipina untuk mempercepatkan pembangunan sosioekonomi di sub-rantau itu. Hari ini, ia mewakili 10 peratus daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ASEAN.

MENINGKATKAN PEMAHAMAN TENTANG KESELAMATAN, KESIHATAN DI TEMPAT KERJA



KETUA Pegawai Eksekutif SHENA dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke NBD hadir di Majlis Penyampaian Sijil Kursus Pertolongan Cemas di Tempat Kerja anjuran SHENA dengan kerjasama Kedutaan Besar Republik Indonesia di NBD (kiri dan kanan).



Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

GADONG, Isnin, 17 November. - Seramai 41 pekerja binaan warga Republik Indonesia menamatkan Kursus Pertolongan Cemas di Tempat Kerja anjuran Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA), di bawah program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), dengan kerjasama Kedutaan Besar Republik Indonesia di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Majlis Penyampaian Sijil kepada para pekerja binaan berkenaan diadakan petang tadi di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Ketua Pegawai Eksekutif SHENA, Awang Haji Muhsin bin Haji Ahmad, dalam ucapannya berkata, sektor pembinaan telah mencatatkan sebanyak 52 kematian akibat kerja daripada 85

kes secara keseluruhan sejak 2013 yang menyumbang kira-kira 61 peratus daripada keseluruhan kematian di tempat kerja di NBD.

Jelasnya, punca utama termasuk jatuh dari tempat tinggi, terkena objek, kecederaan akibat himpitan dan renjatan elektrik.

"Sektor pembinaan juga terus mencatatkan bilangan kecederaan yang boleh dilaporkan tertinggi, dengan 48 kes pada 2024 dan 54 kes pada 2025, iaitu peningkatan sebanyak 12.5 peratus.

"Data ini menunjukkan bahawa warga Republik Indonesia dan Republik Rakyat Bangladesh membentuk hampir 60 peratus daripada semua kejadian di tempat kerja yang dilaporkan, yang mencerminkan kehadiran ketara dalam sektor berisiko tinggi.

"Warga Republik Indonesia

membentuk sebahagian besar tenaga kerja pembinaan NBD dan memainkan peranan penting dalam pembinaan negara," ujarnya.

Oleh itu, beliau menekankan kepentingan program berkenaan dalam memupuk kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, khususnya dalam kalangan pekerja asing dalam sektor pembinaan, serta memberikan mereka pengetahuan dan kemahiran pertolongan cemas.

Awang Haji Muhsin turut merakamkan penghargaan kepada Kedutaan Besar Republik Indonesia di NBD atas sokongan dan kerjasama padu dalam menjayakan program CSR ini, dan kepada majikan-majikan yang mengambil bahagian kerana mengutamakan keselamatan dan kebajikan pekerja mereka.

Beliau seterusnya menggalakkan syarikat-syarikat untuk terus menyediakan latihan pertolongan cemas untuk para pekerja mereka seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan-peraturan Keselamatan

dan Kesihatan (Pertolongan Cemas), 2021, di Tempat Kerja.

Hadir pada majlis berkenaan, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke NBD, Tuan Yang Terutama Prof. Dr. Achmad Ubaedillah.

Turut hadir, ahli-ahli pihak pengurusan kanan SHENA, pegawai-pegawai dari SHENA dan Kedutaan Besar Republik Indonesia di NBD; serta wakil-wakil dari syarikat-syarikat yang menyertai program berkenaan dan penyedia latihan tersebut.

Kursus Pertolongan Cemas berkenaan telah dijalankan sebanyak tiga sesi, iaitu pada 23 dan 24 Oktober 2025, 1 dan 2 November 2025, serta 8 dan 9 November 2025, oleh SavingLife

Resources Company, selaku penyedia latihan yang diluluskan di bawah SHENA.

Kursus berkenaan bertujuan untuk meningkatkan pemahaman para peserta tentang keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, serta membekalkan peserta dengan kemahiran asas pertolongan cemas bagi menangani kecederaan serius dan menyelamatkan nyawa.

Kursus Pertolongan Cemas Pekerjaan CSR berkenaan merupakan sebahagian daripada usaha berterusan SHENA untuk memupuk budaya mengutamakan keselamatan merentasi semua industri serta memastikan setiap pekerja pulang dengan selamat setiap hari.

Kementerian Kesihatan serah 2 ambulans



PEMANGKU Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Md. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penyerahan tersebut (atas dan kanan).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Mohammad Hasif Matzin

BERAKAS, Selasa, 18 November. - Kementerian Kesihatan hari ini menyerahkan dua buah Ambulans Penjagaan Intensif Dengan Tekanan Negatif berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penyerahan tersebut ialah Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Md. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa

Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Unit Keagamaan, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong, Awang Md. Jasrin Farhandy bin Abdullah Jasni.

Acara diteruskan dengan Penyerahan *mock key* ambulans yang disampaikan oleh tetamu kehormat kepada Ketua Perkhidmatan Emergency Medical Ambulance Service (EMAS), Dayang Hajah Nora binti Haji Mohd. Yusof bagi pihak Kementerian Kesihatan.

Dua buah ambulans tersebut merupakan Model Mercedes-Benz Sprinter (Intensive Care Unit Ambulance, minimum 1800cc) yang dilengkapi dengan sistem tekanan negatif.

Sistem berkenaan membolehkan pengasingan udara bagi mencegah penyebaran jangkitan semasa penghantaran pesakit, khususnya pesakit yang menghidap penyakit berjangkit.

Ambulans-ambulans berkenaan akan digunakan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait, bagi mempertingkatkan keupayaan respons kecemasan serta memastikan pesakit kritikal menerima rawatan segera dengan tahap keselamatan tertinggi.

Inisiatif tersebut sejajar dengan usaha berterusan Kementerian Kesihatan untuk memperkukuh sistem kesiapsiagaan perkhidmatan kecemasan serta meningkatkan keberkesanan logistik penghantaran pesakit di seluruh negara, khususnya dalam pengurusan kes-kes kritikal dan penyakit berjangkit.

Juga hadir, pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan serta wakil-wakil dari hospital-hospital kerajaan.

DUA buah ambulans tersebut merupakan Model Mercedes-Benz Sprinter (Intensive Care Unit Ambulance, minimum 1800cc) yang dilengkapi dengan sistem tekanan negatif.



Adakah Kambing Peliharaan Wajib Dizakat?

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

SEBILANGAN orang membeli dan memelihara kambing kerana minat dan sebagai hobi, atau untuk memenuhi keperluan peribadi dan juga kegunaan ahli keluarga, bukan untuk tujuan perniagaan atau mendapat keuntungan daripadanya. Namun apabila jumlah kambing tersebut semakin bertambah dari semasa ke semasa, adakah dikenakan zakat ke atas kambing peliharaan itu menurut hukum syara'?

Antara harta yang wajib dikeluarkan zakat ialah binatang ternak iaitu unta, sapi, kerbau, kambing dan biri-biri. Kewajipan mengeluarkan zakat binatang ternak itu adalah berdasarkan hadits-hadits shahih. Zakat dikenakan ke atas binatang ternak kerana binatang ternak adalah sumber pelbagai manfaat dan harta yang berkembang serta bernilai yang boleh menghasilkan keuntungan, antaranya melalui penghasilan susu dan pembiakannya.

Syarat-syarat wajib zakat bagi binatang ternak adalah sebagaimana berikut:

1. Pemilik binatang ternak itu hendaklah orang Islam dan merdeka.

2. Hendaklah cukup nisab.

Pemulaan nisab bagi unta ialah 5 ekor, bagi kerbau atau sapi ialah 30 ekor dan bagi kambing atau biri-biri ialah 40 ekor.

3. Nisab hendaklah cukup haul iaitu tempoh setahun penuh mengikut kiraan bulan *qamariah* (Hijrah).

Zakat tidak dikenakan jika nisab binatang ternak yang dimiliki itu kurang sebelum cukup haul. Sebagai contoh, Ahmad memiliki 40 ekor kambing pada bulan Muharram 1447H. Kemudian sebahagian daripadanya mati atau hilang, atau dihidiahkannya kepada orang lain dan jumlah kambing tersebut hanya tinggal 35 ekor pada Muharram 1448H, maka tidak wajib dikeluarkan zakat pada kambing tersebut kerana nisab kambing yang dimilikinya itu kurang sebelum cukup haul.

4. Binatang ternak itu tidak digunakan untuk bekerja.

Zakat tidak dikenakan ke atas binatang ternak yang digunakan untuk bekerja pada sebahagian besar waktu dalam setahun seperti untuk tunggangan, membawa atau mengangkut barang, membajak sawah, menimba air dan selainnya, sama ada binatang itu bekerja untuk pemiliknya atau selainnya, sama ada pemiliknya memperoleh upah atas pemanfaatan binatang tersebut atau tidak.

5. Hendaklah binatang ternak itu tergolong sebagai *sa'imah*.

Binatang ternak *sa'imah* ialah binatang ternak yang meragut rumput di padang rumput yang tumbuh secara semula jadi yang tidak dimiliki oleh sesiapa secara khusus. Keadaan ini hendaklah berlaku sepanjang tahun atau sekurang-kurangnya dalam sebahagian besar daripada tempoh

tersebut. Di samping itu, ternakan tersebut hendaklah digembala atau dijaga oleh pemiliknya. Sebagai contoh, pada siang hari kambing tersebut digembala atau digiring oleh pemiliknya atau wakilnya untuk meragut rumput di padang rumput umum dan pada malam hari kambing tersebut juga digiring masuk ke kandang.

Kewajipan zakat pada kambing *sa'imah* sabit berdasarkan hadits riwayat daripada Anas bin Malik daripada Abu Bakar ash-Shiddiq Radhiallahu 'anhuma bahawa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: Dan dalam zakat kambing yang tergolong sebagai *sa'imah*, jika (jumlah) kambing itu (mencapai antara) 40 ekor sehingga 120 ekor, (maka wajib dikeluarkan zakat) seekor kambing.

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Maafum hadits di atas ialah zakat tidak dikenakan ke atas kambing yang tidak termasuk dalam kategori *sa'imah*, iaitu kambing *ma'lufah*. Kambing *ma'lufah* ialah kambing yang diberi makan atau yang disediakan makanannya oleh pemiliknya. Adapun pengkhususan kewajipan zakat hanya pada binatang ternak *sa'imah* adalah kerana keperluan makanannya memadai atau mencukupi dengan hanya membawanya meragut di padang rumput umum tanpa perlu kepada usaha atau mengeluarkan belanja daripada pemiliknya.

Oleh yang demikian, pemilik yang memenuhi syarat-syarat yang disebutkan di atas adalah wajib mengeluarkan zakat kambing peliharaannya.

Berkaitan dengan syarat *sa'imah*, terdapat beberapa keadaan yang menyebabkan pemilik tidak wajib mengeluarkan zakat kambing peliharaannya. Antara keadaan-keadaan tersebut ialah:-

1. Kambing itu keluar bebas atau dibiarkan keluar sendiri ke padang rumput untuk meragut rumput tanpa digembala dan

kembali semula ke kandang tanpa digiring oleh pemiliknya atau selain pemiliknya.

Contoh kambing yang digembala oleh selain pemiliknya ialah kambing yang dirampas lalu digembala oleh perampas berkenaan semasa di bawah penguasaannya, atau kambing yang dicuri lalu digembala oleh pencuri berkenaan semasa di bawah penguasaannya, atau digembala oleh pembeli dalam akad jual beli yang tidak sah (*fasid*).


2. Kambing itu dikategorikan sebagai *sa'imah* pada sebahagian waktu sahaja dalam setahun, manakala pada sebahagian waktu yang lain dikategorikan sebagai *ma'lufah*.

Sebagai contoh, pemilik memberi makan kambing itu untuk suatu tempoh tertentu yang ia tidak boleh hidup tanpa diberi makanan, atau walaupun ia boleh hidup dalam tempoh tersebut tanpa diberi makanan akan tetapi mengalami kemudahan yang nyata seperti selama tiga hari atau lebih, maka dalam keadaan ini kambing itu tidak dikategorikan sebagai *sa'imah* sepanjang tahun dan tidak dikenakan zakat padanya.

Walau bagaimanapun, jika pemilik memberi makan kambing itu hanya untuk suatu tempoh yang sedikit sekira-kira ia masih boleh hidup tanpa diberi makanan dalam tempoh tersebut, serta tidak mengalami kemudahan yang nyata, seperti sehari atau dua hari, dan pemilik juga tidak berniat untuk memutuskan sifat *sa'imah* kambing peliharaannya, maka kambing itu dikategorikan sebagai *sa'imah* dan wajib dikeluarkan zakat.

3. Pemilik kambing mencari atau mengumpul rumput atau dedaun untuk memberi makan kambing itu di padang rumput, atau pemilik tersebut mengambil rumput atau dedaun yang di padang rumput kemudian dibawa kepada kambing itu, kerana dalam keadaan-keadaan ini kambing

ANTARA harta yang wajib dikeluarkan zakat ialah binatang ternak iaitu unta, sapi, kerbau, kambing dan biri-biri. Kewajipan mengeluarkan zakat binatang ternak itu adalah berdasarkan hadits-hadits shahih. Zakat dikenakan ke atas binatang ternak kerana binatang ternak adalah sumber pelbagai manfaat dan harta yang berkembang serta bernilai yang boleh menghasilkan keuntungan, antaranya melalui penghasilan susu dan pembiakannya.



itu dikategorikan sebagai *ma'lufah*.

Walau bagaimanapun jika kambing itu dihalau untuk meragut di kawasan yang terdapat dedaun yang gugur berselerak secara semula jadi, maka dalam keadaan ini ia dikategorikan sebagai *sa'imah* dan wajib dikeluarkan zakat apabila cukup nisab dan haul.

Daripada penjelasan di atas, dirumuskan bahawa kambing peliharaan yang dikategorikan sebagai *sa'imah* adalah wajib dikeluarkan zakatnya. Manakala kambing yang dikategorikan sebagai *ma'lufah* adalah tidak wajib dikeluarkan zakatnya. Walau bagaimanapun jika seseorang membeli kambing dengan niat untuk diperniagakan atau mendapat keuntungan daripadanya, maka dalam hal ini kambing tersebut termasuk dalam kategori harta yang berkembang dan wajib dikeluarkan zakatnya menurut zakat harta perniagaan jika memenuhi syarat-syaratnya.

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAAN ALLAH
كلولأن قوسية دعوه اسلاميه

KEBERKATAN dalam makanan adalah makanan Halalan Thayyiban. Halalan bermaksud makanan yang halal bukan sahaja halal dari segi jenisnya bahkan juga halal dalam mendapatkannya, sehingga bagi orang yang diberkati Allah Subhanahu Wata'ala, dia tidak akan menghalalkan segala cara dalam memperoleh nafkah melainkan mengikuti apa yang telah disyariatkan oleh Islam.

Di samping itu makanan yang diberkati juga adalah makanan thayyiban yang bererti yang sihat dan bergizi, sehingga makanan yang halal lagi baik itu tidak hanya mengenyangkan tetapi juga dapat

Carilah makanan dan harta yang berkat

menghasilkan tenaga yang kuat untuk melaksanakan dan menegakkan nilai-nilai kebaikan sebagai bukti ketaqwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maa'idah, ayat 88 yang mafhumnya:

"Dan makanlah yang halal lagi baik daripada rezeki yang Allah telah kurniakan kepada kamu dan bertakwalah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu beriman".

Makanan yang diberkati itu juga adalah makanan yang dimakan mengikut sewajarnya dan secukupnya. Hal ini kerana Allah Subhanahu Wata'ala sangat melarang manusia berlebih-lebihan dalam makan mahupun minum. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raaf, ayat 31 yang mafhumnya:

"Wahai anak-anak Adam! Pakailah

pakaian kamu yang baik lagi sempurna setiap kali mendirikan sembahyang (dan tawaf), serta makan dan minumlah dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan".

Selain daripada itu, keberkatan dalam harta pula bermaksud harta yang digunakan untuk berinfak di jalan Allah Subhanahu Wata'ala yang bertujuan untuk menolong orang lain yang memerlukan dan meringankan lagi beban mereka. Harta yang tidak berkat adalah harta yang disimpan seperti air yang tidak mengalir sehingga menjadi sarang berbagai kuman (penyakit). Pemiliknya menjadi serakah dan menimbulkan rasa dengki pada orang di sekitarnya. Imam al-Bukhari meriwayatkan dalam kitab sahihnya daripada Hakim bin Hizam Radiallahuanhu berkata yang

maksudnya:

"Aku meminta kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, lalu baginda memberikannya kepadaku. Kemudian aku meminta lagi kepada baginda dan baginda memberikannya kepadaku dan aku meminta lagi kepada baginda, lalu baginda memberikannya kepadaku. Kemudian baginda bersabda: "Sesungguhnya harta itu ibarat tanaman yang hijau (sangat menarik) dan terasa manis. Barang siapa mencarinya dengan hati yang baik maka harta itu akan memberkatinya. Namun barang siapa mencarinya dengan berlebih-lebihan (tamak), maka harta itu tidak akan memberkatinya, seperti orang yang makan namun tidak merasa kenyang. Tangan di atas (memberi sedekah) lebih baik daripada tangan yang di bawah (meminta-minta)".

SM KATOK ADAKAN MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Sekolah-Sekolah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 November. - Sekolah Menengah Katok (SMK) telah mengadakan Majlis Penyampaian Sijil bagi meraikan pencapaian pelajar dan guru pengawas dalam menyempurnakan aktiviti pembungkusan rempah Syarikat Sabli Food Industries (B) Sendirian Berhad bagi tahun 2025.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil ialah Pengurus Syarikat Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd., Awang Haji Mohd. Nooh bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Pengetua SMK, Dayang Penroose Saleha binti Haji Mohammad Salleh; Ketua Unit

Pendidikan Kerjaya (UPK), Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS), Dr. Andree Asmara bin Haji Abidin; Timbalan Pengetua Pentadbiran SMK, Dayang Hajah Siti binti Pungut dan Penolong Guru Kanan Akademik I SMK, Dayang Hajah Suryani binti Haji Mahmud.

Dalam ucapannya, Pengetua SMK merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd. serta JSS atas pelaksanaan aktiviti pembungkusan rempah, yang merupakan projek kerjasama sejak 2015 di beberapa sekolah menengah kerajaan terpilih.

Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar (SMSAB) merupakan



PENGURUS Syarikat Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd., Awang Haji Mohd. Nooh bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan penyampaian sijil kepada para pelajar dan guru pengawas Sekolah Menengah Katok (atas kiri dan atas).

sekolah peneraju projek ini, manakala SMK mula menyertainya pada tahun 2017 bersama Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam (SMPIHM).

Beliau berharap, projek kerjasama ini dapat diteruskan dalam masa terdekat kerana ia membantu membangunkan kemahiran kebolehpasaran pelajar, selain memberikan pengalaman kerja sebagai persediaan untuk latihan dan penempatan pekerjaan selepas tamat program.

Beliau juga menegaskan, sijil penyertaan ini amat bernilai dalam portfolio peribadi pelajar dan menjadi bukti pencapaian mereka

sepanjang menuntut di sekolah.

Sementara itu, Ketua UPK merangkap pegawai fokus projek tersebut, dalam ucapannya turut merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Syarikat Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd. dan SMK atas sokongan dalam menjayakan projek ini serta menyeru pihak sekolah agar memanfaatkan peluang sebaik mungkin.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil kepada 23 pelajar Program Pra Vokasional dan sijil penghargaan kepada lapan guru pengawas. Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderamata kepada

tetamu kehormat dan Ketua UPK sebagai tanda penghargaan daripada pengetua sekolah.

Aktiviti pembungkusan rempah ini merupakan projek kerjasama antara Syarikat Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd. dan JSS, Kementerian Pendidikan sejak tahun 2015, yang bertujuan untuk membina kemahiran kebolehpasaran pelajar serta menimba pengalaman asas kerja.

Pada masa ini, terdapat empat buah sekolah menengah kerajaan terpilih yang melaksanakan projek ini, iaitu SMSAB, Sekolah Menengah Sufri Bolkihah, SM Katok dan SMPIHM.



MINDA PEMBACA

Kawal tekanan, lindungi jantung awda

DALAM dunia yang serba pantas hari ini, tekanan tidak lagi dapat dielakkan dalam kehidupan seharian. Walaupun tekanan berjangka pendek boleh memberi manfaat dengan membantu kita menyiapkan kerja pada tarikh akhir atau dalam menghadapi sebarang cabaran, tekanan yang kronik boleh menjejaskan kesihatan kita, secara keseluruhannya dan terutamanya pada jantung. Penyelidikan saintifik menunjukkan hubungan yang kuat di antara tekanan yang berpanjangan dan penyakit kardiovaskular.

Tekanan mencetuskan tindak balas berjuang atau melarikan diri, di mana badan mengeluarkan hormon seperti adrenalin dan kortisol, yang

meningkatkan kadar jantung, tekanan darah, dan paras gula dalam darah. Walaupun perubahan ini membantu dalam letusan pendek, ketinggian yang berterusan boleh merosakkan saluran darah, membawa kepada hipertensi dan menggalakkan keradangan. Tingkah laku yang dilakukan untuk mengatasi tekanan seperti makan berlebihan, merokok, pengambilan alkohol yang berlebihan dan kurangnya aktiviti fizikal pula membebaskan lagi jantung dan meningkatkan risiko berlakunya serangan jantung, strok, dan komplikasi kardiovaskular yang lain.

Tekanan psikologi yang kronik, sama ada akibat tekanan kerja, masalah kewangan, perhubungan

atau trauma, telah dikaitkan dengan bermulanya dan berkembangnya penyakit jantung. Kajian telah menunjukkan bahawa individu di bawah tekanan yang tinggi lebih terdedah kepada aterosklerosis, di mana aliran darah semakin sempit untuk sampai ke jantung. Tekanan juga dikaitkan dengan irama jantung yang tidak teratur dan fungsi imun yang lemah. Perkara-perkara ini meninggikan bebanan pada jantung dan menyebabkan timbulnya penyakit jantung.

Hubungan di antara tekanan dan kesihatan jantung tidak dapat dinafikan. Tekanan kronik bukan sahaja merosotkan kesejahteraan emosi malah menimbulkan

ancaman serius kepada kesihatan kardiovaskular. Seseorang individu boleh mengawal kesihatan mereka dan melindungi jantung mereka dengan menguruskan tekanan melalui tabiat gaya hidup sihat, tidur yang mencukupi, meditasi serta dengan membina sistem sokongan sosial yang kuat. Dalam jangka masa panjang, pengurusan tekanan adalah langkah yang boleh menyelamatkan nyawa, menggalakkan umur yang panjang dan kualiti hidup yang lebih baik.

Nama : Nurul Huda Jeludin
No. K/P : 00-305XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Mewujudkan Keamanan Dunia melalui Hubungan Antarabangsa'. Tarikh Tutup : 19 November 2025
2. 'Peranan Pendidikan Dalam Mencegah Penyeludupan Remaja'. Tarikh Tutup : 26 November 2025
3. 'Pemandu Berhemah, Negara Sejahtera'. Tarikh Tutup : 3 Disember 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunel@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ اخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأُمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّم، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمَّا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا
فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضُ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتَقَضٰى بِهٖ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اَسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ،
فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مبابوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قثعملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

MEMUPUK KREATIVITI, DAYA INOVASI PELAJAR DENGAN PENDEKATAN PRAGMATIK, REALISTIK



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Alishahrin Haji Mumin

LUGU, Selasa, 18 November. - Kementerian Pendidikan melalui Pusat Keusahawanan Inovasi (EIC) telah mengadakan Majlis Konvensyen Pertandingan Celik-Biz Kali Ke-7 bagi pelajar-pelajar sekolah rendah seluruh negara dan Pertandingan BigStart Kali Ke-12 pelajar-pelajar bagi sekolah menengah dan maktab seluruh negara bertempat di Dewan Indah Biru, Kampung Lugu.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis ini ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat diketuai oleh Pelajar Tahun 10ALP Al-Imam Yaaqub, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), Mohd. Danish Zharfan bin Abdullah Zulhisham.

Setelah itu, majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan Ketua Pusat Keusahawanan Inovasi, Kementerian Pendidikan, Awang Adna Shatriemie bin Haji A. Abdul Rahman, yang antara lain berkata, sejak tahun 2021, Konvensyen Celik-Biz dan BigStart terus berkembang dengan mengangkat tema-tema yang berimpak secara akademik dan berkaitan industri seperti Keusahawanan dan Inovasi, Literasi Kewangan, dan Kelestarian.

Tambahnya, setiap tema telah dirancang dengan teliti agar selaras dan menyokong keperluan para pemegang taruh dalaman dan luaran, sekali gus memupuk pemahaman pragmatik tentang kelestarian melalui inovasi dan minda keusahawanan, yang memberi manfaat bersama kepada para pelajar dan guru, serta bergerak seiring dengan Matlamat Strategik Kementerian

PEMANGKU Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan selaku tetamu kehormat majlis ketika menyampaikan hadiah dan sijil kepada pemenang pertandingan.

Pendidikan.

Melalui perspektif antarabangsa ujarnya, keusahawanan dan inovasi memainkan peranan penting dalam mempersiapkan generasi muda menghadapi cabaran global.

Tegasnya lagi, keusahawanan bukan sekadar memulakan perniagaan tetapi yang paling penting, ia berkaitan dengan pembentukan minda yang kreatif, kritikal, berdaya tahan, serta berkeupayaan mencipta peluang dalam dunia yang sentiasa berubah.

"Kami amat yakin bahawa melalui bimbingan kepimpinan kami, pemantauan daripada ketua jabatan kanan, usaha bekerjasama, berkolaborasi, belajar dan mempraktikkan teori secara pragmatik kepada kemahiran, baik secara dalaman mahupun luaran bersama para pemegang taruh yang dihormati dan rakan ekosistem keusahawanan industri, EIC berharap untuk terus menerima lebih banyak ilmu dan nasihat," jelasnya lagi.

Kemudian, majlis diserikan lagi dengan pertandingan *pitching* secara langsung daripada para peserta Pertandingan Celik-Biz dan Pertandingan BigStart.

Majlis diteruskan dengan tayangan video sepanjang pertandingan dijalankan, diikuti

dengan penyampaian hadiah dan sijil-sijil kepada pemenang - pemenang pertandingan oleh tetamu kehormat.

Bagi Pertandingan Celik-Biz Kali Ke-7 tahun 2025, juara dimenangi oleh Kumpulan Safezone.bn dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB) dengan nama produk 'Safezone.bn', diikuti tempat kedua diraih oleh Kumpulan Projek Rataie dari Sekolah Rendah Rataie dengan nama produk 'KantinKu', dan tempat ketiga dimenangi oleh Kumpulan Complex Creators dari Chung Hwa Middle School, Bandar Seri Begawan dengan nama produk 'Barunah'.

Sementara itu, bagi Pertandingan BigStart Kali Ke-12 tahun 2025, juara disandang oleh Kumpulan i-Alhudur dari SASHHB dengan nama produk 'i-Attendance', diikuti kumpulan Yaya Tech Wizards dari Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan nama produk 'Antara Dua Alam' telah berjaya meraih tempat kedua, dan tempat ketiga disandang oleh Kumpulan Nurflies dari Chung Hwa Middle School, Bandar Seri Begawan dengan nama produk mereka 'Nurana'.

Seterusnya, tetamu kehormat menyaksikan EIC Showcase daripada 10 pasukan teratas dari Pertandingan Celik-Biz dan 10 pasukan teratas dari Pertandingan BigStart.

Pertandingan pendidikan keusahawanan dan inovasi ini melibatkan penyertaan sekolah-sekolah di bawah Jabatan Pendidikan Swasta dan Jabatan Pengajian Islam, serta ITQSHHB, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan tahun ini menandakan penyertaan pertama

bagi institusi berkenaan.

Objektif utama pertandingan ini adalah untuk menggalakkan para pelajar mengasah kreativiti dan daya inovasi melalui pendekatan yang pragmatik, realistik serta menanamkan elemen keusahawanan dalam merancang dan melaksanakan projek yang relevan dengan tema tahun ini.

Di samping itu, pertandingan ini juga berperanan sebagai platform pembelajaran berasaskan kemahiran hidup, bagi melahirkan pelajar yang lebih berdaya, proaktif dan berdaya saing selaras dengan keperluan kemahiran abad ke-21 yang menekankan enam elemen utama 6C iaitu Collaboration, Critical Thinking, Character, Communication, Creativity dan Citizenship.

Tema bagi Pertandingan Celik-Biz tahun ini ialah 'Beyond the Classroom : Innovating for a Sustainable Future' dengan empat kategori iaitu Innovation, Edutainment, Digitalisation Transformation dan Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0).

Manakala, bagi Pertandingan BigStart, tema ialah 'Smart Futures : Innovation in Entrepreneurship' dengan lima kategori iaitu Digital Transformation for Brunei's Future; Industrial Revolution 4.0 Technologies for Sustainable Development; Edutainment; Learning Through Play; Innovative Entrepreneurship for Social Impact; dan Arts, Culture, and Heritage Innovation.

Turut hadir, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta pemimpin-pemimpin sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dan KHEU serta jemputan daripada penaja-penaja, pihak berkepentingan dan agensi-agensi luar.

Program Sua Muka eratkan hubungan kerajaan, rakyat

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd Zul-Izzi Haji Duraman



MENTIRI, Selasa, 18 November. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri terus melaksanakan usahanya untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Seksyen Komunikasi Strategik mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panchor dan Kampung Kawasan 2 RPN Panchor bertempat di Dewan

Serbaguna, Kelab Perkhidmatan Awam, Mentiri, hari ini.

Hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini.

Turut hadir, Pemangku Penghulu Mukim Mentiri / Ketua Kampung Kawasan 4 RPN Panchor, Awang Faidil Rosemady bin Mohamad dan Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Panchor, Haji Awang Mohammad Eddie Hardey bin Haji Ibrahim.

Juga hadir bagi menyampaikan taklimat kepada penduduk-penduduk kampung ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Tenaga dan Brunei Darussalam



ROMBONGAN Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Seksyen Komunikasi Strategik bergambar ramai semasa Program Sua Muka bagi Kampung Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panchor dan Kampung Kawasan 2 RPN Panchor (atas), sementara gambar kiri, sekitar Program Sua Muka berlangsung.

Central Bank (BDCB).

Program dimulakan dengan mukadimah daripada ketua rombongan, di mana beliau menekankan mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa jua maklumat yang terkini, dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan antaranya Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Dayang Sastra Sarini turut mengongsikan salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan iaitu Komunikasi Bersemuka yang dihasratkan untuk

meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikannya program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan serta kemajuan mukim atau kampung.

Program Sua Muka turut diisi dengan perkongsian maklumat daripada agensi yang dijemput dan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan, antara lain, berkaitan prasarana, pengurusan dan penyelenggaraan infrastruktur; kebersihan dan kelestarian persekitaran; serta kemudahan dan perkhidmatan komuniti di

kawasan berkenaan serta hal-hal lain.



TIMBALAN Pengarah Penerangan semasa menyampaikan mukadimah.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan penyampaian sijil.

BERAKAS, Isnin, 17 November. - Awang Muhammad Amjad Warid bin Mohammad Azizulfitri dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanah Bolkiah muncul juara Pertandingan Reels Semarak Hari Keputeraan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025, dengan membawa pulang wang tunai sebanyak BND1,000, sijil dan piala.

Reels yang dihasilkan bertema 'Satu Jiwa, Satu Cinta, Brunei Darussalam' itu mengetengahkan mesej mengenai makna sebenar patriotisme yang bukan sahaja ditunjukkan dengan kata-kata dan aksi, tetapi melalui doa, ilmu, akhlak serta tanggungjawab harian.

Naib juara disandang oleh Dayang Nur Qestenna Wardeena binti Haji Chalideon-Bam dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang menerima wang

tunai BND750, sijil dan piala. Tempat ketiga pula dimenangi oleh Anang Muhammad Fathur' Rahman bin Anang Abdul Rahman dan beliau membawa pulang BND500, sijil dan piala.

Selain itu, lima peserta lain masing-masing menerima hadiah saguhati berupa wang tunai BND100, sijil dan piala. Majlis Penyampaian Hadiah anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik tersebut diadakan di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan, hari ini.

Penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah, selaku tetamu kehormat. Turut hadir, para pegawai kanan dan pegawai jabatan, tenaga pengajar serta ibu bapa para peserta.

Majlis juga diteruskan dengan

PEMENANG PERTANDINGAN REELS SEMARAK HARI KEPUTERAAN DIRAIKAN

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Mohammad Hasif Matzin

penyampaian sijil kepada para hakim pertandingan oleh tetamu kehormat majlis. Para hakim terdiri daripada mereka yang berpengalaman dalam bidang penggambaran, pembuatan video serta drama di sektor kerajaan dan swasta.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pemangku Ketua Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim menjelaskan bahawa pertandingan tersebut julung kalinya dianjurkan bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan hasrat untuk mengembangkan kemahiran pembuatan 'reels' berkonsepkan kenegaraan dan patriotisme.

Ia juga bertujuan untuk melihat perspektif golongan belia terhadap rasa cinta dan ketaatsetiaan mereka kepada raja. Pertandingan telah bermula pada 15 Julai 2025 hingga 20 Oktober 2025 dan menerima sebanyak 18 penyertaan dari pelbagai sekolah serta Institusi Pengajian Tinggi di negara ini.

Penilaian telah dibuat pada Isnin, 10 November 2025 oleh barisan hakim berpengalaman yang terdiri daripada penggiat seni dan penerbitan video berdasarkan empat kriteria iaitu isi kandungan (mesej), daya kreativiti (aspek visual), keaslian (*originality*) serta penyampaian dan penggunaan bahasa.

Pertandingan tersebut dianjurkan bagi memupuk

semangat taat setia dan kecintaan rakyat kepada raja dan negara, di samping menggalakkan belia untuk menonjolkan bakat kreatif dalam penghasilan video digital bertemakan patriotisme, kesejahteraan negara dan nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB).

Melalui penganjuran ini juga, Jabatan Penerangan berharap agar masyarakat terus memainkan peranan dalam menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM serta memperkukuhkan semangat kenegaraan dalam kalangan generasi muda.



PEMANGKU Ketua Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim ketika berucap.

Memupuk nilai kebersamaan dalam kalangan masyarakat setempat



SAMBUTAN Hari Keluarga Masjid Hassanah Bolkiah Pekan Tutong (MHBPT) bersempena dengan Ulang Tahun Ke-59 Penubuhan MHBPT telah diadakan bagi memupuk nilai kebersamaan dalam kalangan masyarakat setempat.

Siaran Akhbar dan Foto : Kumpulan Belia Ibadurrahman

TUTONG, Isnin, 17 November. - Bersempena dengan Ulang Tahun Ke-59 Penubuhan Masjid Hassanah Bolkiah Pekan Tutong (MHBPT), Kumpulan Belia Ibadurrahman dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir MHBPT baru-baru ini menganjurkan Sambutan Hari Keluarga.

Sambutan berkenaan bertujuan untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan, memperkukuh lagi ikatan ukhuwah sesama ahli takmir, kumpulan Muslimah, belia dan para jemaah masjid, serta memupuk nilai kebersamaan dalam kalangan masyarakat setempat.

Program berkenaan bermula selepas Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah dan diteruskan dengan pelbagai aktiviti sehingga majlis berakhir.

Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan sepanjang program, antaranya Tazkirah Subuh yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Subatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Fansuri Sharimi @ Haji Mansur bin Mohamad Ali bertajuk 'Rasulullah Tauladan Kehidupan Keluarga Kita', bagi menyuntik pengisian rohani dalam kehidupan bermasyarakat.

Turut diadakan ialah aktiviti senaman ringan bagi menyokong gaya hidup sihat serta meningkatkan kecergasan fizikal. Selain itu, pelbagai aktiviti interaktif bagi golongan kanak-kanak, dewasa dan warga emas bagi memeriahkan sambutan berkenaan termasuk pertandingan secara berkumpulan dan individu bagi memupuk kerjasama serta mengeratkan lagi silaturahmi antara para peserta.

Pengelolaan program berkenaan membuktikan komitmen Kumpulan Belia Ibadurrahman dalam menyokong peranan masjid sebagai pusat pembangunan ummah, selain mempamerkan keupayaan belia dalam menganjurkan program bermanfaat yang merangkumi aspek kerohanian, sosial dan kesihatan.

Diharapkan program seumpama berkenaan akan terus dilaksanakan pada masa akan datang bagi mengeratkan hubungan kekeluargaan segenap lapisan masyarakat serta memupuk kesejahteraan komuniti MHBPT.

Prihatin terhadap keluarga yang memerlukan

ANGGEREK DESA, Isnin, 17 November. - Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-30 penubuhannya, Netcom Computer House meraikan detik bermakna ini dengan menghulurkan sumbangan kepada masyarakat yang memerlukan.

Inisiatif menghulurkan sumbangan ini dibuat dengan kerjasama Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) di mana 30 keluarga telah menerima sumbangan tersebut, hari ini.

Usaha dan inisiatif ini bukan sahaja menandakan tiga dekad pencapaian syarikat tersebut malah ia turut mencerminkan komitmen mereka terhadap tanggungjawab sosial korporat dan berkhidmat untuk komuniti.

Dengan inisiatif ini juga, ia menjadi ruang bagi MKM dan Netcom Computer House untuk saling bantu-membantu dan menceriakan serta memeduli kesejahteraan keluarga-keluarga yang memerlukan dan sekali gus memberikan impak yang besar khususnya kepada keluarga yang dibantu.

Sumbangan berupa barang asasi ini juga turut disumbangkan oleh dua pelancong dari Britain iaitu Jason dan Alida Hopwood. "Kami merasakan satu pengalaman yang sangat mengharukan dan setentunya melihat kepedulian sebegini dalam sebuah masyarakat," ujar mereka.

Hadir pada majlis penyerahan sumbangan yang diadakan di Pejabat MKM, Anggerék Desa



YANG Dipertua Majlis Kesejahteraan Masyarakat, Awang Mohd. Yusof Shaik bin Abdul Halim hadir pada majlis penyerahan sumbangan tersebut.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Alishahrin Haji Mumin

tersebut ialah Yang Dipertua MKM, Awang Mohd. Yusof Shaik bin Abdul Halim serta beberapa orang perwakilan daripada Netcom Computer House yang diketuai oleh Pengarah Urusannya, Vincent Goh.

"Sumbangan dari Netcom Computer House ini mencerminkan bahawa MKM terus mendapat sokongan padu dari semua pihak dalam sama-sama memeduli kebajikan dan kesejahteraan golongan susah di negara ini," ujar Yang Dipertua MKM semasa acara tersebut.

Turut hadir, Pengurus Besar

Netcom Computer House, Jackie Lim dan Pengarah IT Netcom, Chong King Fui serta para sukarelawan dari Netcom Computer House dan MKM.

MKM berdaftar di Negara Brunei Darussalam sejak tahun 2009 dan terus melaksanakan pelbagai program kebajikan di dalam dan luar negara. Kerjasama bersama Netcom Computer House ini merupakan sebahagian daripada program makanan asasi yang telah menyediakan bantuan makanan dan keperluan asas setiap bulan kepada 80 keluarga sejak tahun 2015 lagi.



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JBBSB / SH / 2024-2025 / 59 / UP / 24

Tajuk Sebut Harga:
Two (2) Years Term Contract For Electrical Maintenance Works At Kompleks Tamu Kianggeh, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis,
27 November 2025,
Jam 2.00 Petang.

Keterangan Lanjut Boleh Diperolehi Dari:
Seksyen Pemuliharaan Aset, Bahagian Pengurusan Pemuliharaan Estet, Di Tingkat 3, Bangunan Blok 1 (B1), Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Seri Beribi, Gadong BE1118, Bandar Seri Begawan



Bilangan Tawaran:
JBBSB / SH / 2024-2025 / 60 / UP / 25

Tajuk Sebut Harga:
Supply And Delivery Portable Cabin For Taman Jubli Perak, Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis,
20 November 2025,
Jam 2.00 Petang.

Keterangan Lanjut Boleh Diperolehi Dari:
Seksyen Pemuliharaan Aset, Bahagian Pengurusan Pemuliharaan Estet, Di Tingkat 3, Bangunan Blok 1 (B1), Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Seri Beribi, Gadong BE1118, Bandar Seri Begawan.



Bilangan Tawaran:
JBBSB / SH / 2024-2025 / 70 / UP / 31

Tajuk Sebut Harga:
Supply And Install Site Hoarding At Rubbish Centre, Multi-Storey Car Park Building, Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis,
27 November 2025,
Jam 2.00 Petang.

Keterangan Lanjut Boleh Diperolehi Dari:
Seksyen Pemuliharaan Aset, Bahagian Pengurusan Pemuliharaan Estet, Di Tingkat 3, Bangunan Blok 1 (B1), Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Seri Beribi, Gadong BE1118, Bandar Seri Begawan.



Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025 – 2026 / 77 / BPPK / 19

Tajuk Sebut Harga :
Clearing Of Overgrown Trees And Vegetation Along Riverfront, Taman Jubli Perak

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis,
27 November 2025,
Jam 2.00 Petang

Keterangan Lanjut Boleh Diperolehi Dari:
Seksyen Perkhidmatan Kenderaan dan Pengutipan Sampah, Bahagian Perkhidmatan Perbandaran Dan Kebersihan Depot Jabatan Bandaran, Kampung Belimbing Subok, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

DA / JKSH / 132 / 2025 / 2026 [SV-NOV-2025]

Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Membaik Pulih Siling Di Pintu Masuk Utama Bangunan SEAMEO VOCTECH.

DA / JKSH / 133 / 2025 / 2026 [SV-NOV-2025]

Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Penambahbaikan Dan Menaiktaraf Tandas-Tandas Di Bangunan SEAMEO VOCTECH.

DA / JKSH / 134 / 2025 / 2026 [SV-NOV-2025]

Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Penggantian Karpas Dan Pintu Di Dewan Seri Kerna Serta Karpas Di Bilik Dan Lalan Tingkat 2, Bangunan SEAMEO VOCTECH.

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 6 Disember 2025
Jam 9.00 Pagi



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Iklan Tarikh Lanjutan

Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / TRA / 105 / 2025

Tajuk Tawaran:
Supply, Delivery, Installation And Commissioning Of 20 / 25 MVA 66 / 11KV Power Transformers At Telisai And Sungai Liang Substations

Tarikh Tutup:
25 November 2025
(Selasa, 2.00 Petang)

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran
Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Lobi Utama, Aras 1, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, Bb3913, Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Syarikat Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Dalam Kelas 4, 5 Atau 6 Dan Mempunyai Kategori E03

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / TRA / 019 / 2025

Tajuk Tawaran:
Technical Maintenance Of GPS2 66KV Gas Insulated Switchgear (GIS) B1-02 AEG Germany

Tarikh Tutup:
Selasa 25 November 2025
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND1,000.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Lobi Utama, Aras 1, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Syarikat Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Dalam Kelas 3, 4 Atau 5 Dan Mempunyai Kategori E03



Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 086 / 2025

Tajuk Tawaran:
Supply, Delivery And Install Of A Fully Rebuilt Detroit Diesel Engine 12V71T For Lumut Power Station

Tarikh Tutup:
9 Disember 2025
Selasa 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Lobi Utama, Aras 1 Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jalan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Pembekal Yang Berdaftar Dalam Registry Of Company And Business Names (ROCBN), Kementerian Kewangan Dan Ekonomi



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran Dan Keterangan Projek:
01 / BBS / SDPPEBPPJBKBS / 2025-2026
Supply And Delivery Of Personal Protective Equipments For Bahagian Perkhidmatan Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria

Bilangan Tawaran Dan Keterangan Projek:
01 / BBS / TCADPJSKB / 2025-2026
Trees Cutting At Dewan Taman Persiaran, Jalan Sungai Kuala Belait

Dibukakan kepada pemborong - pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non-Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa
2 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan dan Tajuk Tawaran :
42 / BBS / SH / BKA / 2025 - 2026
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Mengganti Baharu Pada Tabir Jendela Yang Rosak Di Bilik Mesyuarat Tingkat Empat Bangunan Utama Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria, Jalan Mckerron Kuala Belait

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
43 / BBS / SH / BW 2025 - 2026
Supply And Install New Heavy Duty Drain Grating At Pasarneka Parking Area Seria

Dibukakan kepada pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II Kategori KA01)

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Selasa
2 Disember 2025





JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan**

Kelas:
II Dan III Sahaja

Kategori:
B01 Dan KA01

Bilangan Tawaran:
JKR/DBSBM037/2025

Nama Tawaran:
Penggantian Pagar Keliling Di Istana
Darul Aman, Jalan Tanjong Batu,
Muara, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen
Tawaran :**
Selasa,
25 November 2025

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
9 Disember 2025



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan Di
Dalam**

Kelas:
III (II & III) Sahaja

Kategori:
KA01 & M03 Sahaja – Kod
Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 032 / 2025 –
(SEW).T.III

Nama Projek:
Kontrak Berpenggal 3 Tahun Bagi
Mengendali Dan Memelihara
Sistem Vakum Pembetulan Kg.
Sg. Bunga, Kg.Lurong Sikuna, Kg.
Bolkiah 'A' Dan Kg. Bolkiah 'B'
(Berambang)

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
2 Disember 2025,
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
6 Januari 2026
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas :
III & IV

Kategori :
B01
(Kod Baharu)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
9 Disember 2025

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
23 Disember 2025,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 33 / CQS / 2025-T / III

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembinaan Semula
Jeti-Jeti Di
Perumahan Kampong Sungai
Bunga (Fasa 1)
(Retender)

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran:**
5 November 2025

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
25 November 2025
Tidak Lewat
Dari Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
2 Disember 2025
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 30 / 2025

Nama Projek:
Membaik Pulih dan Menurap
Semula Jalan Utama - Jalan
Muara

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen :
Tidak Ada



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
IV Atau V

Kategori:
M01 (With at least 1 valid
Project Supervisor / Engineer
registered under M01)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa
25 November 2025
Tidak Lewat
Dari Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
9 Disember 2025
(Selasa)
Tidak Lewat
Dari Jam: 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BP / 36 / 2025

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian
Pengkawa Dingin Baharu UNISSA

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)



KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI

**Makluman Pemberitahuan
Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**
KHELN / KEW / 2025 / 0111
Quotation For Sea Transport Cost
Of Personal Effect, Seoul, Korea

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**
KHELN / KEW / 2025 / 0211
Quotation For Sea Transport Cost
Of Personal Effect, Singapore

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**
KHELN / KEW / 2025 / 0311
Quotation For Sea Transport Cost
Of Personal Effect, Moscow,
Russia

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
26 November 2025
Jam 2.00 Petang



PUSAT PENGURUSAN
BENCANA KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
(26) NDMC / TSH / 2025-2026
Sebut Harga Kerja-Kerja
Penggantian, Membaik Pulih
Sistem,
Pemasangan, Serta
Penyelenggaraan Alat Dan Sistem
Pencegah Kebakaran Bangunan
NDMC

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu
26 November 2025
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA

**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**
10 / KHEU / BTM / 2 / RFP / 2025
The Supply, Delivery, Installation,
Setup, Configuration, Testing And
Maintenance For Cabling And
Network Accessories At Arabic
And Religious Schools, Ministry Of
Religious Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
3 Disember 2025,
Jam 2.00 Petang



**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**
108 / KHEU / BTM / 2 / RFQ /
2025
The Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning Of
Projectors,
QLED Displays And HDMI
Faceplate Works At Pusat Da'wah

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
3 Disember 2025,
Jam 2.00 Petang



JABATAN BURUH
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
PJB / 3003 / SH / 5-2025
Tawaran Pembekalan Alat Tulis
Bagi Kegunaan Pegawai Dan
Kakitangan Jabatan Buruh

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
PJB / 3003 / SH / 6-2025
Tawaran Penggantian Dan
Pemasangan Karpas Di Tingkat 3
Ibu Pejabat Jabatan Buruh

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu
3 Disember 2025,
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang





JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:

IKAN / 78(Q) / 0055 / 2025
Repair And Replace Faulty
Yamaha Outboard Engine Parts
And Components, Department Of
Fisheries

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
Khamis
4 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:

IKAN / 78(Q) / 0056 / 2025
Pembekalan "Design, Supply And
Delivery Of Corporate Souvenirs
To Department Of Fisheries,
Brunei Darussalam"

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis
4 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
KK / 336 / 2025 / LAB (TC)

Keterangan:
The Provision Of Cleaning, Grass
Cutting And Drainage
Management Services For The
Molecular Diagnostics Unit Of
Respiratory Viruses, National
Virology Reference Laboratory,
Department Of Laboratory
Services For A Period
Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 337 / 2025 / LAB (TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver IFA
Reagent Test Kits With Equipment
Rental For National Immunology
Reference Laboratory, Department
Of Laboratory Services, Ministry
Of Health For A Period Of Five
(5) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
KK / 338 / 2025 / PPN (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Endodontic Consumable Items For
The Department Of Dental
Services Ministry Of Health For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup:
25 November 2025
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang



**Pemberitahuan Tawaran
Kementerian Kesihatan
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 169 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For
The Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of Three (3)
Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 170 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For
The Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of Three (3)
Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 171 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For
The Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of Three (3)
Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 172 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For
The Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of Three (3)
Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 173 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For
The Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of Three (3)
Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 174 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For
The Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of Three (3)
Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / GCAU /
GSU / TA / 8001
Purchase Of Uniform And
Accessories For Gurkha Security
Unit

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
25 November 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
2 Disember 2025
2.00 petang



DRG / 175 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For
The Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of Three (3)
Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 176 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For
The Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of Three (3)
Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 177 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For
The Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of Three (3)
Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 178 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For
The Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of Three (3)
Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 179 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For
The Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of Three (3)
Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 180 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For
The Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of Three (3)
Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 181 / 2025 / PHARM (TC)



JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

05 / 2025 / 2026
The Supply & Delivery Of
High-End Desktop PC For
Department Of Town And Country
Planning, Ministry Of
Development, Negara Brunei
Darussalam

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

06 / 2025 / 2026
The Supply, Delivery & Install New
Cassette Type Split
Air-Conditioner Unit For Room D2,
Bilik Perbincangan, 3rd Floor At
Department Of Town And Country
Planning, Ministry Of
Development, Negara Brunei
Darussalam

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Pembayaran yuran sebut harga
adalah secara Online melalui One
Common Billing System (OCBS))

Tarikh Buka Sebut Harga:
Rabu,
12 November 2025

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
4 Disember 2025,
sebelum jam 2.00 Petang



Supply And Delivery Of Medicines For
The Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of Three (3)
Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 182 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For
The Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of Three (3)
Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
DRG / 183 / 2025 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For
The Department Of Pharmaceutical
Services For A Period Of Three (3)
Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup:
Selasa
9 Disember 2025
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Bilangan dan Tajuk Tawaran:

04 / 2025 / 2026
The Supply & Delivery Of ARCGIS
Online Professional (Formerly
Standard) User Type, Department
Of Town And Country Planning,
Ministry Of Development, Negara
Brunei Darussalam

**Tarikh Buka Tawaran dan Tempat
Mengambil Dokumen Tawaran:**
Rabu, 12 November 2025

Dokumen tawaran boleh diperolehi di:

Tingkat 1,
Bahagian Maklumat Perancangan,
Bangunan Jabatan Perancang
Bandar dan Desa,
Kementerian Pembangunan
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Khamis, 27 November 2025

**Tarikh Tutup dan Tempat
Penghantaran:**
Selasa, 2 Disember 2025,
sebelum jam 2.00 Petang

**Pejabat Lembaga Tawaran Kecil
di
Tingkat Bawah Bangunan
Kementerian Pembangunan,
Jalan Lapangan Terbang Lama
Berakas, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam**

Harga Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)
atau
BND5.00 (bagi Yuran e-dokumen)
(Tidak dikembalikan)



PEJABAT PEGUAM NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
PPN / IT / AGC / QTN / 2025 / 11 /
2

Quotation For Supply, Delivery,
Installation And Testing Of Eight
(8) Unit Of A4 Monochrome
Printers For The Attorney
General's Chambers, Jalan Raja
Isteri Pengiran Anak Saleha,
Bandar Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa 25 November 2025
Jam 2.00 Petang





Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No.
BCY / CP / 20 / 2024

Perbadanan Tabung Amanah
Islam Brunei
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Awang Hamzah Bin Metassan
BYIC No. 00-259649
Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **25 Januari 2025**.

Nama dan alamat terakhir
diketahui:
Awang Hamzah Bin Metassan
No. 5934, Kampung Sungai Besar,
Jalan Kota Batu, BA2517,

And / or,

No. 4, Simpang 54-66-9-4,
Kampung Tagap, Sengkurong,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen:
6 Julai 2024

Semua Sipiutang-sipiutang kepada
nama Penghutang yang tersebut
diatas hendaklah menghadapkan
borang-borang bukti hutang yang
boleh diperoleh di Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi dengan
seberapa boleh. Semua
hutang-hutang yang seharusnya
dibayar kepada Penghutang
tersebut di atas hendaklah
dihadapkan kepada **Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat Dua,
Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei
Darussalam.**

Bertarikh:
11 Oktober 2025

Notis Kepada Pemiutang Untuk
Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **25 Januari 2026**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
Pemiutang-pemiutang mengenai
perkara diatas akan diadakan di
**Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-12),
Mahkamah Besar pada 14
Januari 2026, jam 10.15 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu
mengundi disana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini. Proksi-proksi
yang akan digunakan di
perjumpaan ini mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak
lewat dari 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada **14 Januari 2026, jam 10.15
Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau

wakil-wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai
dengan hal-halnya dan juga sebab
kegagalannya.

Bertarikh:
11 Oktober 2025

Nur Sariy Syahmina Binti Haji
Jaffri
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Kes No.
BCY / CP / 37 / 2025

Perbadanan Tabung Amanah
Islam Brunei
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Hassan Bin Muhidin
BYIC NO. 00-079361
Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **27 September 2025**.

Nama dan alamat terakhir
diketahui:
Hassan Bin Muhidin
No. 6, Simpang 188-42-34-11-6,
Kampung Kandang, Pekan Tutong,
Tutong. TA 2541.
Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen:
9 September 2025

Semua Sipiutang-sipiutang kepada
nama Penghutang yang tersebut
diatas hendaklah menghadapkan
borang-borang bukti hutang yang
boleh diperoleh di Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi dengan
seberapa boleh. Semua
hutang-hutang yang seharusnya
dibayar kepada Penghutang
tersebut di atas hendaklah
dihadapkan kepada **Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat Dua,
Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei
Darussalam.**

Bertarikh:
15 Oktober 2025

Notis Kepada Pemiutang Untuk
Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **27 September 2025**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
Pemiutang-pemiutang mengenai
perkara diatas akan diadakan di
**Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-9),
Mahkamah Besar pada 1
Disember 2025, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu
mengundi disana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini. Proksi-proksi
yang akan digunakan di
perjumpaan ini mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak
lewat dari 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada **1 Disember 2025, jam 9.00
Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil-wakilnya yang diberi kuasa

secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai
dengan hal-halnya dan juga sebab
kegagalannya.

Bertarikh:
15 Oktober 2025

Kes No.
BCY / CP / 181 / 2025

Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Nur Umisarina Binti Aziz
BYIC NO. 01-051864
Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **27 September 2025**.

Nama dan alamat terakhir
diketahui:
Nur Umisarina Binti Aziz
No. 8, Simpang 10-45-4,
RPN Kampung Pandan 'C',
Kuala Belait. KA 2131.
Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen:
13 September 2025

Semua Sipiutang-sipiutang kepada
nama Penghutang yang tersebut
diatas hendaklah menghadapkan
borang-borang bukti hutang yang
boleh diperoleh di Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi dengan
seberapa boleh. Semua
hutang-hutang yang seharusnya
dibayar kepada Penghutang
tersebut di atas hendaklah
dihadapkan kepada **Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat Dua,
Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei
Darussalam.**

Bertarikh:
15 Oktober 2025

Notis Kepada Pemiutang Untuk
Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **27 September 2025**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
Pemiutang-pemiutang mengenai
perkara diatas akan diadakan di
**Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-9),
Mahkamah Besar pada 1
Disember 2025, jam 9.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu
mengundi disana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini. Proksi-proksi
yang akan digunakan di
perjumpaan ini mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak
lewat dari 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada **1 Disember 2025, jam 9.30
Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil-wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai
dengan hal-halnya dan juga sebab
kegagalannya

Bertarikh:
15 Oktober 2025

Hajah Ervy Sufitriana Binti Haji
Abdul Rahman
Timbalan Penerima Rasmi
b/p Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Kes No.
BCY / CP / 83 / 2018

BIBD At-Tamwil Berhad
Pemiutang / Pemetisyen

Haji Yussariffin Bin Haji
Mohammad Yussoff @ Ariffin
[Kad Pengenal Brunei No.
30-105831 - Ungu]
Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

Satu Perintah Penghukuman telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **16 Oktober 2025**.

Nama dan alamat Bankrap:
Haji Yussariffin bin Haji
Mohammad Yussoff @ Ariffin,
No. 51,
Jalan Seta Pahlawan,
Kuala Belait, KA1931,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:
16 September 2025

Semua Sipiutang-sipiutang kepada
Bankrap yang tersebut di atas
hendaklah menghadapkan
Borang-Borang Bukti Hutang yang
boleh diperoleh di Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi dengan
seberapa yang boleh. Semua
hutang-hutang yang seharusnya
dibayar oleh Bankrap tersebut di
atas hendaklah dihadapkan
kepada **Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan
Mahkamah Besar, Bandar Seri
Begawan, Negara Brunei
Darussalam.**

Tarikh:
18 Oktober 2025

Muhd Muzakkir Bin Haji Zakaria
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



Bilangan Sebut Harga:
(137) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja Penyelenggaraan
Kenderaan Jabatan Penerangan
Mitsubishi Pajero GL 2.8 Diesel -
BG 2001.

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :
Khamis, 20 November 2025
Jam 8.00 Pagi



Tajuk Sebut Harga:
Supply and Deliver of Tablet for
Department of Civil Aviation, Ministry
of Transport and Infocommunications

Rujukan Sebut Harga:
ADMIN / 2025-2026 / SH-05

Dokumen Sebut Harga bolehlah
diperoleh:
Kaunter Seksyen Kewangan
Aras Bawah
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

Harga Yuran Dokumen:
BND5.00 setiap satu (1) dokumen
sahaja (Yuran tidak akan
dikembalikan)

Tarikh Tutup Menghantar Dokumen
Sebut Harga:
Rabu, 3 Disember 2025
jam 2.00 Petang

Tempat Menghantar Dokumen
Sebut Harga:
Peti Sebut Harga Aras Bawah
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Bandar Seri Begawan BB 2513
Negara Brunei Darussalam



Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
JPH / 2107 / SH / 2565 / 2025-2026
Pembekalan Cenderahati
Jerayawara Untuk Bahagian
Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 4 Disember 2025
2.00 Petang

Borang Pendaftaran Syarikat:
BND10.00

Borang Sebut Harga:
BND5.00

-Tidak Dikembalikan-





IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

- 1 Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.
- 2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan** skim iklan akan ditolak.
- 1 Lengkapi Profil PSCR 2.0** (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
- 2 Lengkapi Kelulusan** (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
- 3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap** *Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan
- 4 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang"** di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
- 5 Lengkapi Maklumat** (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)



+673 7371961



PSC.BN



query@spa.gov.bn



Talian Whatsapp Suruhanjaya Perkhidmatan Awam



PSC.BN



KESALAHAN-KESALAHAN

DI BAWAH

AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN

Individu yang didapati dengan sengaja **memberikan maklumat yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan maklumat atau sijil-sijil** bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

**DENDA SEBANYAK
\$10,000
DAN PENJARA SELAMA
2 TAHUN**



PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN-KENAIKAN PANGKAT)

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik **telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.**

DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB DAN BOLEH DITAMATKAN PERKHIDMATAN DENGAN SERTA-MERTA.



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Divisyen Pengurusan Korporat
Kementerian Pembangunan

Bil. Sebut Harga:
(09) KPN/DPK/PROC/2024/2025

Tajuk:
Pembekalan Sistem Pengumuman Awam (PA SYSTEM) dan Mikrofon Persidangan (Conference Microphone) Di Bangunan Kementerian Pembangunan

Bayaran Yuran Dokumen Sebut Harga:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Sabtu, 1 November 2025

Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran (Secara Atas Talian):
Khamis, 20 November 2025

Tarikh Tutup Menghantar Dokumen:
Isnin, 24 November 2025
Jam 9.00 pagi



JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN

Pemberitahuan Sebut Harga
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

JPT/SH/101/2025-2026
To Perform Certification On Biosafety Cabinets Class II And III, Fumehood, PCR Cabinets, Laminar Flow & Balance Enclosure Cabinets At Veterinary Laboratory Services

Tarikh Tutup:
Khamis, 11 Disember 2025
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

Borang Sebut Harga:
BND7.00

Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga dan dialamatkan kepada Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510 Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

MESYUARAT AGUNG KOTIBA : MENELITI, MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT PERHIMPUNAN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Koperasi Persatuan TIBA

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 November. - Koperasi Persatuan TIBA (KOTIBA) baru-baru ini menganjurkan Mesyuarat Agung Kali Ke-41 yang berlangsung di Dewan Teater, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE).

Mesyuarat yang diadakan setahun sekali berkenaan bertujuan untuk meneliti dan mengesahkan Minit Mesyuarat perhimpunan yang lepas, serta membentangkan laporan dan penyata kewangan berakhir 30 Jun 2024.

Hadir pada majlis berkenaan, Ahli-ahli Lembaga Koperasi, Pemegang-pemegang Saham, pekerja-pekerja Stesen Minyak KOTIBA dan pegawai-pegawai Unit Kemajuan Koperasi (UPK), MOFE.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pengerusi Jawatankuasa Kecil Kebajikan dan

Keagamaan KOTIBA Sesi 2024/2025, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Diikuti dengan ucapan pembukaan oleh Pengerusi Ahli Lembaga Koperasi (ALK) KOTIBA Sesi 2024/2025 Mesyuarat Agung Ke-41, Awang Haji Matassan bin Haji Bungso.

Ia diteruskan dengan acara utama bermula dengan meneliti dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Ke-40 dan diikuti dengan pembentangan meneliti Minit Mesyuarat oleh Setiausaha.

Mesyuarat berkenaan juga menyaksikan pembubaran Jawatankuasa Ahli-ahli Lembaga Koperasi Sesi 2024-2025 dan pelantikan Ahli-ahli Lembaga Koperasi baharu bagi Sesi 2025-2026.

Majlis ditutup dengan ucapan ringkas daripada Pengerusi Interim selaku wakil ALK baharu dan bacaan Surah Al-Asr secara beramai-ramai.



AHLI-ahli Lembaga Koperasi Persatuan TIBA (KOTIBA), Pemegang-pemegang Saham, pekerja-pekerja Stesen Minyak KOTIBA dan pegawai-pegawai Unit Kemajuan Koperasi (UPK), Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) hadir di Mesyuarat Agung Kali Ke-41 yang telah mengambil tempat di Dewan Teater, MOFE.



Foto : Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Bersama membantu meningkatkan bekalan darah

■ Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 November. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan akan mengadakan Kempen Derma Darah pada Rabu dan Khamis, 19 dan 20 November 2025, bermula jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.00 petang hingga 2.30 petang bertempat di Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bersempena Ulang Tahun Penubuhan YSHHB Ke-33, Tahun 2025.

Manakala pada Sabtu, 22 November 2025, bermula jam 9.00 pagi hingga 2.30 petang bertempat di Tingkat 1, Citis Square, Berakas anjuran Rotary Club of Bandar Seri Begawan.

Sehubungan dengan itu, orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen berkenaan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 4.00 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi BloodKad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.

Sayur Umbut Kelapa Kampung Sungai Tanit

BAHAN-BAHANNYA :
1 batang kecil umbut kelapa (dihiris)
3 ulas bawang merah (dihiris)
2 ulas bawang putih (dihiris)
2 biji lada besar merah & hijau (dihiris serong)
2 sudu makan lada kisar
10 ekor udang siar / kecil (dibuang kulit dan dibersihkan dan digaul dengan sedikit garam)
3 cawan santan (dari setengah biji kelapa parut)

Garam dan serbuk perasa secukupnya
Minyak

CARA-CARA MEMASAK :
Umbut yang telah dihiris direbus sekejap. Apabila sudah masak tapis dan toskan. Kemudian tumiskan bawang merah dan bawang putih hingga wangi. Masukkan lada kisar kacau lagi hingga rata. Setelah itu masukkan udang siar dan kacau lagi. Masukkan

umbut yang sudah dimasak dan digaul hingga masak kemudian masukkan santan. Biarkan mendidih dengan api perlahan setelah itu masukkan garam dan serbuk perasa secukupnya. Akhir sekali masukkan lada besar merah dan hijau dan gaul rata. Siap untuk dihidangkan.

Nota : Selain udang siar awda boleh juga menggunakan lukan atau ikan masin sebagai sapak untuk masakan tersebut.

EJEN PELANCONGAN THAILAND, REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM TEROKAI KEINDAHAN NBD



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan



KUMPULAN ejen pelancongan dari Thailand dan Republik Sosialis Viet Nam (kiri) telah dibawa melawat ke tempat seperti Istana Nurul Iman (bawah kiri) dan aktiviti kebudayaan secara langsung seperti pembuatan batik, memasak wajib dan demonstrasi ayam buluh (atas) semasa lawatan pengenalan (FAM) mereka yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 November. - Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP) dengan kerjasama syarikat penerbangan negara dan rakan kongsi pelancongan tempatan telah berjaya menganjurkan dua lawatan pengenalan (FAM) untuk ejen pelancongan dari Thailand dan Republik Sosialis Viet Nam

sebagai sebahagian daripada usaha berterusannya untuk memperkukuh kedudukan Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam pasaran pelancongan Asia Tenggara.

Diadakan dari 12 hingga 16 November 2025 untuk delegasi Thailand, manakala 13 hingga 16 November 2025 untuk delegasi

Republik Sosialis Viet Nam, lawatan berturut-turut berkenaan mencerminkan komitmen JKP untuk mempamerkan kekayaan budaya, alam semula jadi yang asli dan tarikan pengembaraan yang menarik di NBD.

Kumpulan delegasi Thailand terdiri daripada 11 ejen pelancongan, manakala delegasi Republik Sosialis Viet Nam terdiri daripada 12 ejen pelancongan, setiap seorang mewakili pemain industri utama dari negara masing-masing.

Sepanjang lawatan mereka, kedua-dua delegasi memulakan perjalanan melalui mercu tanda sejarah dan budaya NBD, bermula dengan lawatan ke Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Muzium Alat Kebesaran Diraja, Kampong Ayer, dan Istana Nurul Iman.

Lawatan berkenaan

menawarkan pandangan berharga tentang *Sultanate's royal heritage*, seni bina Islam, dan tradisi hidup yang terus membentuk identiti kebangsaan NBD.

Di luar bandar, jadual perjalanan berkenaan membawa para delegasi lebih dekat dengan khazanah alam semula jadi NBD. Aktiviti menaiki kanopi di Taman Negara Ulu Temburong dan Brunei Mangrove River Safari memberi mereka pengalaman mendalam tentang hutan hujan yang subur dan hidupan liar asli NBD. Bagi melengkapi pengembaraan berkenaan, program turut menampilkan aktiviti kebudayaan secara langsung seperti pembuatan batik, memasak wajib dan demonstrasi ayam buluh, yang membolehkan para delegasi terlibat secara langsung dengan amalan seni dan kuliner NBD.

Kedua-dua kumpulan juga berpeluang melawat beberapa

hotel terpilih untuk lebih memahami pilihan penginapan NBD yang lebih baik untuk pelancong santai, perniagaan dan pengembaraan.

Dua sesi rangkai berasingan juga diadakan antara agensi pelancongan NBD, ejen Thailand dan Republik Sosialis Viet Nam untuk bertukar pandangan dan meneroka potensi kerjasama untuk pakej pelancongan masa hadapan.

Awal tahun ini, JKP telah mengadakan lawatan pengenalan untuk ejen Thailand yang menumpukan pada pelancongan Muslim dan turut menjadi tuan rumah kepada seorang pengarah Republik Sosialis Viet Nam, Fahoka, untuk mempromosi NBD ke rantau ini.

Untuk maklumat lanjut tentang aktiviti dan tawaran pelancongan NBD, lawati laman sesawang JKP di www.brunetourism.com atau @info.brunetourism di Instagram.





ALAI PINTAR

SOALAN 19 NOVEMBER 2025, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Pilih kata berlawanan yang sesuai bagi perkataan 'tinggi'?
 - a) Rendah
 - b) Kecil
 - c) Kurus
2. Apakah alat yang digunakan untuk melihat objek yang sangat kecil?
 - a) Mikroskop
 - b) Teleskop
 - c) Kompas
3. Apabila kita makan makanan berkhasiat, badan kita akan jadi?
 - a) Sihat
 - b) Lemah
 - c) Sakit

TARIKH TUTUP : 29 NOVEMBER 2025

HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

PEMENANG ALAI PINTAR 160 :

Nama : Muhammad Adam Syarqawi bin Muhammad Saifol Hazmi
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0124152-01. Sekolah : Sekolah PGGM Sungai Akar

Nama : Khairunnisa Asyifa binti Haji Md. Ashabani
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0134779-01. Sekolah : Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 49

Nama : Nurul Syiffa Jahizah binti Muhd. Jaharihen
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0127489-01. Sekolah : Sekolah Rendah Sultan Hassan Temburong

SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :

- Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam

- Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
 Tarikh Lahir :
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
 Sekolah :
 Tahun :
 Alamat :
 Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 160

1. B - Berlari dan bersukan
2. B - 50
3. B - Batu



Terus perkasa kesedaran masyarakat isu keganasan, buli serta disiplin di institusi pendidikan

Rencana dan Foto : Nurdiyanah Rajami

NEGARA-negara Anggota Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) telah mengisytiharkan hari Khamis pertama bulan November sebagai Hari Antarabangsa Menentang Keganasan dan Buli di Sekolah, termasuklah buli siber.

Pada tahun ini, sambutan kesedaran bagi Hari Antarabangsa Menentang Keganasan dan Buli di Sekolah memperkasakan tema iaitu 'Skrin Pintar : Mempelajari Cara Untuk Kekal Selamat Dalam Era Digital' yang mana bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai keganasan dan buli yang berlaku di sekolah serta menggalakkan negara-negara anggota mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih selamat dengan memperkasakan pelajar, ibu bapa, pendidik dan penggubal dasar untuk bertindak menentang isu ini.

Dengan kemajuan pesat dalam teknologi digital dan Kecerdasan Buatan (AI), para pelajar kini semakin terdedah kepada pelbagai risiko keganasan dalam talian (*online violence*) yang didorong oleh teknologi.

Perkara berkenaan antara yang diutarakan oleh Pemangku Ketua Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, Dr. Hajah Dayang Nor Zaiham Midawati binti Haji Abdullah dalam ucapan alu-aluan semasa berlangsungnya Majlis Perasmian Program B.E.S.T (Bantu, Empati, Sayangi, Tanggungjawab) serta Pelancaran Buku Peraturan dan Garis Panduan Disiplin bagi Sekolah-sekolah Rendah, Menengah, Maktab, Pusat Tingkatan Enam dan Asrama Kerajaan bertempat di Pusat Membeli Belah OneCity, pada 6 November, baru-baru ini.

Beliau turut menegaskan bentuk keganasan itu merangkumi perlakuan buli, termasuk buli siber dan keganasan terhadap jantina (*gender-based violence*) yang melibatkan penggunaan teknologi, yang kini melangkaui sempadan bilik darjah dan berlaku dalam ruang digital.

Dr. Hajah Dayang Nor Zaiham Midawati turut menyentuh kesan daripada buli siber

boleh menjejaskan emosi, kesihatan mental, serta masa depan pelajar. Justeru itu, kesedaran tentang buli siber amat penting dalam usaha mendidik masyarakat, khususnya pelajar, dan tidak terkecuali juga para pendidik dan masyarakat, agar menggunakan media sosial dengan lebih berhemah, beretika, serta mewujudkan persekitaran digital yang selamat, sihat dan bebas daripada buli siber.

Di sebalik Program B.E.S.T

Program B.E.S.T merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan bagi membendung dan mencegah gejala buli dalam kalangan pelajar di sekolah. Dengan tema 'Skrin Pintar : Mempelajari Cara Untuk Kekal Selamat Dalam Era Digital', program ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan melalui penyebaran maklumat khusus untuk mendidik pelajar mengawal diri. Ia juga bertujuan untuk mendedahkan mereka mengenai bahaya serta kesan buli, selain melahirkan pelajar yang berdisiplin, saling menghormati serta mempunyai keperibadian dan akhlak yang baik.

Program yang diadakan selama tiga hari itu telah menentengahkan ruang pameran yang menyediakan maklumat komprehensif bagi memupuk kesedaran kepada para pengunjung tentang punca, kesan, serta langkah-langkah pencegahan buli yang mana telah disertai oleh 24 peserta dari agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan; Institusi-institusi pengajian tinggi kerajaan dan swasta serta persatuan-persatuan yang terlibat.

Melalui bahan pameran dan aktiviti interaktif yang disediakan, para pengunjung dapat memahami peranan masing-masing dalam membanteras gejala buli di sekolah, tempat kerja, dan juga dalam komuniti.

Pengemaskinian Buku Peraturan dan Garis Panduan Disiplin dilancar

Pada Majlis Perasmian Program B.E.S.T

turut menyaksikan Pelancaran Buku Peraturan dan Garis Panduan Disiplin bagi Sekolah Rendah, Menengah / Maktab, Pusat Tingkatan Enam dan Asrama Kerajaan, Kementerian Pendidikan 2025 yang disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, selaku tetamu kehormat majlis.

Oleh itu, pelancaran Buku Peraturan dan Garis Panduan Disiplin bagi Sekolah Rendah, Menengah, Maktab, Pusat Tingkatan Enam dan Asrama Kerajaan, Kementerian Pendidikan 2025 merupakan susulan daripada Buku Panduan Disiplin Institusi Pendidikan dan Asrama yang pertama kali dikemas kini pada tahun 2007.

Usaha proaktif mereview semula buku itu adalah bermatlamat bagi menyelaraskan dengan perkembangan dan perubahan serta cabaran pendidikan di era digital pada masa kini. Dengan demikian buku ini dapat dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada semua pemimpin sekolah, guru-guru dan pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan dalam menangani dan menguruskan masalah disiplin pelajar.

Ini jelas membuktikan komitmen Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Sekolah-Sekolah, dengan kerjasama pihak berkepentingan, dalam mengambil berat dan memberi perhatian yang serius terhadap kesejahteraan pelajar ke arah melahirkan para pelajar yang berilmu, berakhlak, berpengetahuan, berkemahiran dan mempunyai jati diri yang sempurna, di samping sebagai salah satu usaha dalam mengemaskinikan buku panduan yang komprehensif.

Perubahan tatacara tindakan yang telah dikemas kini dalam buku berkenaan ialah dari segi tindakan denda atau hukuman ditukar menjadi bimbingan, tarbiah atau kerja-kerja kemasyarakatan; tindakan penggantungan sekolah ditukar menjadi *internal suspension* dan kerja-kerja kemasyarakatan; tindakan penahanan murid atau pelajar ditetapkan kepada *probation* selama satu penggal; dan

tindakan penglibatan agensi-agensi yang berkepentingan terhadap kini akan melibatkan agensi-agensi secara bersepadu.

Antara isi kandungan buku berkenaan antaranya menyentuh bahagian kehadiran sekolah yang mana bahagian ini menerangkan peraturan dan tatacara kehadiran sekolah yang wajib dipatuhi oleh pelajar. Setiap pelajar mesti hadir setiap hari persekolahan dan kehadiran dicatat dalam Sistem Pengurusan Hal Ehwal Pelajar (SAMS). Pelajar yang tidak hadir atau lambat hadir atau pun ponteng akan diambil tindakan mengikut tatacara ketidakhadiran sekolah. Sekolah berhak untuk mengambil tindakan lanjut, termasuk melaporkan kepada pihak atasan jika ketidakhadiran pelajar berpanjangan.

Bahagian isu sosial dan moral juga merupakan antara bahagian yang dimuatkan dalam buku ini yang mana bahagian tersebut menggariskan peraturan sosial dan moral untuk pelajar, menekankan kepatuhan kepada undang-undang dan peraturan sekolah serta pengalaman nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB). Pelajar beragama Islam diwajibkan mengamalkan ajaran agama manakala pelajar bukan Islam diminta menghormati nilai MIB. Perilaku tidak bermoral seperti berdua-duaan, fitnah, pornografi, alkohol, ajaran sesat dan tingkah laku seksual ditegah. Larangan juga meliputi kegiatan musahabah, homoseksual, *transgender* serta tindakan seperti bercumbu, berkhawat dan zina. Peraturan ini bertujuan membentuk pelajar yang berdisiplin, bermoral tinggi dan menghormati nama baik sekolah, keluarga, agama, bangsa serta negara. Antara yang turut disentuh dalam buku ini ialah bahagian jenayah dan juga bahagian ibu bapa dan penjaga.

Buku berkenaan akan digunakan di sekolah-sekolah rendah, sekolah-sekolah menengah, maktab, pusat tingkatan enam serta asrama kerajaan. Dengan adanya buku ini juga, ia diharap dapat memberikan manfaat besar kepada seluruh warga sekolah dan menjadi rujukan utama dalam menangani cabaran-cabaran disiplin pelajar yang semakin kompleks pada masa kini.





Gunakan antimikrob secara berhemah

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

MINGGU Kesedaran Rintangan Antimikrob Sedunia (WAAW) berlangsung dari 18 hingga 24 November setiap tahun untuk meningkatkan kesedaran global terhadap isu rintangan antimikrob (Antimicrobial Resistance - AMR). Ia merupakan salah satu kempen kesihatan rasmi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

AMR adalah salah satu daripada 10 isu kesihatan global terpenting yang perlu ditangani oleh semua pihak yang berkepentingan daripada pelbagai lapisan seperti penggubal dasar, pentadbir dan anggota kesihatan di fasiliti kesihatan awam dan swasta serta masyarakat umum. Apabila AMR berkembang, jangkitan bakteria boleh menjadi tidak boleh dirawat, dan kadang-kadang membawa maut.

Tema WAAW 2025 ialah 'Act Now: Protect Our Present, Secure Our Future'. (Bertindak Sekarang: Lindungi Masa Kini, Selamatkan Masa Depan Kita). Tujuan kempen ini adalah bagi menggalakkan penggunaan antimikrob secara bertanggungjawab merentasi sektor kesihatan manusia, haiwan dan alam sekitar untuk membendung penyebaran patogen yang kekal ubat.

Kuman secara umumnya boleh didapati pada manusia, haiwan, makanan, tumbuhan dan persekitaran (dalam air, tanah dan udara) dan boleh merebak dari manusia ke manusia ataupun antara manusia dan haiwan atau alam sekitar, termasuk dari sumber makanan berasal dari haiwan, serta boleh muncul dalam organisma yang berbeza.

Kerintangan Antimikrob pula merupakan fenomena semula jadi yang berlaku apabila kuman seperti bakteria, virus, parasit dan kulat tidak lagi bertindak balas terhadap ubat antimikrob.

Pemacu utama pertumbuhan kerintangan antimikrob ini adalah disebabkan oleh aktiviti manusia iaitu penyalahgunaan atau penggunaan berlebihan antimikrobial dalam manusia, haiwan dan tumbuhan yang mengakibatkan peningkatan risiko jangkitan sukar atau mustahil untuk dirawat, risiko penyebaran penyakit, risiko menghidap penyakit teruk dan kematian pada skala seluruh dunia.

Walaupun kerintangan antimikrob dirujuk sebagai pandemik 'senyap', namun hakikatnya penyebaran dan kesan kerintangan antimikrob kerap dirasakan dalam kesihatan manusia seperti pesakit yang paling terdedah (*vulnerable*) dan pekerja kesihatan.

Pada tahun 2019, data global menunjukkan hampir 5 juta kematian dikaitkan dengan kerintangan antimikrob,

termasuk 1.27 juta kematian disebabkan secara langsung olehnya. Anggaran ini melebihi kadar kematian global akibat penyakit lain seperti gabungan HIV dan malaria.

Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali, kesan kerintangan antimikrob adalah realiti yang dihadapi setiap hari di hospital dan komuniti di mana terdapat beberapa jangkitan yang menunjukkan ciri rintangan terhadap kebanyakan antibiotik yang lazim digunakan.

Kini difahami bahawa kerintangan antimikrob juga wujud di luar sektor kesihatan. Hal ini menyeru semua pihak yang berkepentingan untuk membuat pendekatan kolaboratif bagi mengurangkan kemunculan dan penyebaran kerintangan antimikrob selanjutnya dengan mengenal pasti jurang di dalam sesebuah negara dan seterusnya menerapkan amalan terbaik dalam bidang berkaitan seperti kawalan jangkitan haiwan, tumbuhan dan manusia; pertanian dan pemprosesan makanan; air dan sanitasi; peraturan antimikrob dan yang paling penting, memupuk pendidikan dan kesedaran tentang kerintangan antimikrob.

Negara Brunei Darussalam telah menyahut seruan sejagat ini untuk bertindak untuk menangani kerintangan antimikrob dengan pembentukan Jawatankuasa Antimicrobial Resistance Brunei Darussalam (BDAMRC) pada tahun 2018. Jawatankuasa ini ditubuhkan di bawah Kementerian Kesihatan dan bekerjasama rapat dengan Kementerian Sumber Utama dan Pelancongan, serta Kementerian Pembangunan untuk melaksanakan langkah-langkah strategik.

Negara Brunei Darussalam telah melancarkan Pelan Tindakan Kebangsaan (National Action Plan, NAP) BDAMRC terhadap kerintangan antimikrob pada tahun 2019, di mana ia menggariskan inisiatif strategik utama yang diperlukan untuk memahami dan mengurus faktor risiko yang berkaitan dengan kerintangan antimikrob, dan untuk membimbing keputusan dasar yang akan menyokong kepada pengurangan kesannya terhadap Negara Brunei Darussalam merentasi sektor yang berkaitan.

Di peringkat komuniti, orang ramai dan mereka yang terlibat dalam mana-mana kapasiti dalam sektor yang berkaitan di Negara Brunei Darussalam, boleh memainkan peranan mereka dalam memerangi kerintangan antimikrob melalui beberapa cara berikut:

Sebarang rawatan antimikrob yang diambil, untuk manusia atau haiwan, masing-masing hendaklah di bawah pengawasan doktor atau doktor haiwan, dan mengikut arahan yang diberikan;

Elakkan menggunakan ubat antimikrob apabila tiada jangkitan;

Apabila ragu-ragu tentang rawatan jangkitan, untuk bertanya soalan mengenainya, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi awda tentang cara terbaik untuk menguruskan gejala yang awda alami;

Memastikan vaksinasi awda adalah yang terkini bagi meningkatkan imuniti dan mencegah penyakit;

Mengikuti arahan yang diberikan oleh doktor bagi keadaan perubatan awda, menggunakan antibiotik dengan sewajarnya, termasuk tidak pernah berkongsi antibiotik atau menyimpannya untuk digunakan kemudian hari. Buang lebih antibiotik yang tidak digunakan seperti yang diarahkan pada label.

Selain itu kita juga boleh mengambil peranan aktif dalam kawalan dan pencegahan jangkitan dalam kedua-dua sektor kesihatan manusia dan haiwan termasuk:

Elakkan atau hadkan keluar rumah jika awda mempunyai simptom seperti selesema;

Mengamalkan kebersihan tangan yang kerap;

Memastikan kebersihan adalah keutamaan untuk penyediaan dan pengambilan makanan dan air;

Mendapatkan vaksinasi secara teratur untuk jangkitan tertentu, mengikut keadaan kesihatan masing-masing;

Mematuhi amalan terbaik untuk mengawal dan mencegah jangkitan dalam kesihatan manusia dan haiwan.

AMR berlaku secara semula jadi apabila mikroorganisma seperti virus, bakteria, parasit dan kulat berubah dari masa ke masa dan tidak lagi bertindak balas terhadap agen antimikrob (contohnya, antivirus dan antibiotik, antiparasit dan antikulat) yang digunakan untuk merawatnya.

Akibatnya, antimikrob tidak lagi berkesan, lantas menjadikan jangkitan lebih sukar dirawat dan meningkatkan risiko penyebaran

penyakit.

Antibiotik adalah agen antimikrob yang paling biasa ditemui. Ia hanya bertindak melawan bakteria dengan menghentikan pertumbuhannya atau membunuhnya. Antibiotik melengkapkan sistem imun untuk melawan jangkitan kuman dengan menyekat proses penting dalam bakteria, dengan itu membunuhnya atau menghentikannya daripada bertambah.

Penyalahgunaan dan penggunaan berlebihan antibiotik telah mempercepat kemunculan dan penyebaran patogen kerintangan antimikrob di seluruh dunia.

AMR disebabkan oleh pesakit sengaja mengambil antibiotik walaupun tiada keperluan bagi kes jangkitan biasa atau tidak menghabiskan dos mengikut tempoh yang ditetapkan doktor.

AMR satu cabaran kesihatan

Kerintangan antimikrob bukan hanya isu klinikal. Ia adalah isu kesihatan bersepadu (OneHealth) yang berkait rapat dengan kesihatan manusia, haiwan dan alam sekitar.

Kerintangan antimikrob merentasi sempadan, sektor dan pekerjaan. Tiada institusi atau negara boleh mengatasinya secara bersendirian kerana ia menuntut tindak balas bersatu yang berteraskan tanggungjawab dan tindakan bersama.

Pengawasan antimikrob bukanlah tugas segelintir orang sahaja kerana ia adalah tanggungjawab semua.

Penggunaan antibiotik secara berhemah perlu dipromosikan lebih meluas agar kita dapat mencegah rintangan antimikrob, iaitu ancaman global apabila kuman menjadi kebal terhadap ubat. Hanya melalui tindakan yang diselaraskan merentasi kesihatan manusia, kesihatan haiwan dan alam sekitar kita akan dapat mengekalkan kuasa ubat-ubatan yang boleh menyelamatkan nyawa ini.



MILIKI BARANG TEGAHAN : LELAKI TEMPATAN DITAHAN



■ **Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

TEMBURONG, Selasa, 18 November. - Satu operasi telah dijalankan baru-baru ini oleh pegawai dan anggota Daerah Polis Temburong, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) sejurus menemui sebuah kenderaan mencurigakan di kawasan Kampung Negalang, Temburong.

Pada kira-kira jam 7.30 malam, rondaan dan pemantauan dijalankan di kawasan berkenaan sebelum sebuah kenderaan mencurigakan dikesan bergerak menuju ke kawasan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin.

Setelah enggan menghentikan kenderaan apabila diberi arahan, kenderaan tersebut berjaya ditahan di kawasan letak kereta Kampung Sungai Bunga, Bandar Seri Begawan.

Pemandu kenderaan berkenaan, seorang lelaki warga tempatan berumur 39 tahun, sekali lagi cuba melarikan diri ke kawasan hutan berdekatan namun berjaya ditahan oleh pihak polis.

Pemeriksaan ke atas kenderaan suspek menemui beberapa kotak besar yang mengandungi barang tegahan.

Siasatan lanjut mengesahkan rampasan sebanyak 24 botol dan 24 tin minuman keras, serta 355 kerton dan satu paket rokok.

Semua barang tegahan dan suspek telah diserahkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) bagi tindakan dan siasatan lanjut.

PPDB menyeru orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai apa jua kegiatan jenayah untuk menyalurkannya ke balai polis terdekat atau menghubungi Talian Kecemasan 993.



HASIL operasi mendapati beberapa kotak besar yang mengandungi barang tegahan di dalam kenderaan yang dipandu oleh seorang lelaki warga tempatan (atas, atas kiri dan kiri).

Operasi Panyap tahan 6 warga asing



OPERASI Panyap yang telah dijalankan di dua lokasi berasingan di Daerah Brunei dan Muara telah mendapati seramai enam warga asing yang dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 November. - Dalam usaha menguatkuasakan akta dan peraturan di bawah tanggungjawab Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) termasuk Akta Anti-Pemerdagangan Orang, Penggal 230, dan Akta Pencegahan Penyeludupan

Orang, Penggal 229, JIPK melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang telah melaksanakan Operasi Panyap yang menyasarkan dua lokasi berasingan di Daerah Brunei dan Muara.

Operasi Panyap itu menyasarkan rumah dan bilik sewa di Mukim Kilanas serta Mukim

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**

Sengkurong.

Hasil daripada operasi tersebut, seramai 11 warga asing telah diperiksa, di mana enam daripadanya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang untuk siasatan lanjut.


Kesemua warga asing berkenaan dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17, iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah pas imigresen mereka mansuh.

Seorang daripada warga asing tersebut turut dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan.

Manakala, empat orang daripada mereka juga gagal mengemukakan sebarang dokumen asal semasa pemeriksaan dijalankan.

JIPK mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi Hotline JIPK di talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

Apathy (2024) menangi Anugerah Filem Puisi Terbaik



APATHY telah memenangi Anugerah Filem Puisi Terbaik pada pertandingan filem pendek ASEAN UniFest 2025 untuk pelajar universiti bertemakan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 November. - Filem pendek Apathy (2024) karya Syahirah Suhairi, seorang pelajar dari Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS), Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah memenangi Anugerah Filem Puisi Terbaik pada pertandingan filem pendek ASEAN UniFest 2025 untuk pelajar universiti bertemakan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Para pemenang telah diumumkan semasa Majlis Anugerah Pertandingan ASEAN UniFest sempena Festival dan Anugerah Filem Antarabangsa ASEAN (ASEAN International Film Festival and Awards - AIFFA) pada 12 November 2025 lalu, di Kuching, Sarawak, Malaysia.

ASEAN UniFest Kick Off & Road to AIFFA 2025 telah diadakan pada 6 Oktober 2025 di Jakarta, Republik Indonesia, yang secara rasminya membuka jalan untuk Pertandingan Filem Pendek ASEAN UniFest SDG sebagai sebahagian daripada AIFFA 2025.

Menurut Pengerusi ASEAN UniFest, Andrew Trigg, antara lapan pemenang anugerah, Apathy (2024) merupakan satu-satunya filem dari Negara Brunei Darussalam (NBD) yang menonjol daripada lebih 150 penyertaan daripada universiti di seluruh rantau ASEAN untuk memenangi Anugerah Filem Puisi Terbaik yang berprestij berkenaan.

Semua pemenang Pertandingan Filem Pendek SDG telah disiarkan di Instagram (@aiffa_official).

Anugerah Filem Puisi Terbaik disampaikan untuk 'Filem yang menyampaikan isu SDG dan keperluan untuk perubahan dalam cara yang tidak konvensional, sangat kreatif, visual atau puitis.'

Anugerah Filem Pendek SDG UniFest ASEAN berkenaan memperkasa pelajar pembuat filem untuk menangani tema SDG, termasuk kesaksamaan jantina, kemampanan alam sekitar, dan hak asasi manusia dan sivil, selaras dengan visi ASEAN, iaitu 'Satu Identiti, Satu Komuniti, Satu Suara Kuat'.

Apathy (2024) dihasilkan oleh Syahirah Suhairi, pelajar tahun ketiga UBD yang mengambil jurusan Reka Bentuk dan Industri Kreatif (Design and Creative Industries - DCI), sebagai tugasannya untuk modul AX-3307 Transmedia Production yang ditawarkan oleh program FASS DCI.

Filem berkenaan telah ditayangkan buat pertama kali di Festival Filem Pendek PRISM UBD Ke-7 pada November 2024, bersama tiga filem pendek DCI yang lain. Ia telah dipamerkan dalam Bali International Short Film Festival Minikino Film Week (MFW 11) 2025 pada pertengahan September, Bali, Republik Indonesia.

Filem berkenaan akan ditayangkan sekali lagi semasa program S-Express Brunei pada 24 November 2025 bersempena dengan Festival Filem Pendek PRISM UBD Ke-8, di Pusat Seni Pro-Canselor, UBD.



EU JANGKA EKONOMI BERKEMBANG SECARA SEDERHANA

BRUSSELS, 18 Nov. - Ramalan ekonomi musim luruh 2025 oleh Suruhanjaya Eropah menunjukkan lonjakan eksport, bagi menghadapi kemungkinan kenaikan tarif Amerika Syarikat (AS), telah membantu mengekalkan pertumbuhan ekonomi Kesatuan Eropah (EU), yang dijangka terus berkembang pada kadar sederhana sepanjang tempoh ramalan.

Dalam laporan yang dikeluarkan pada Isnin, Suruhanjaya tersebut berkata, keluaran dalam negara kasar (KDNK) EU dijangka berkembang 1.4 peratus pada 2025, dengan zon euro berkembang 1.3 peratus.

Pertumbuhan pada 2026 pula diramalkan pada kadar 1.4 peratus bagi EU dan 1.2 peratus bagi zon

euro, kedua-duanya sedikit lebih rendah berbanding pengunjuran yang dibuat pada Mei.

Inflasi utama zon euro dijangka menurun kepada 2.1 peratus pada tahun ini berbanding 2.4 peratus pada 2024. Inflasi di seluruh EU pula diramal menurun dari 2.6 peratus pada 2024 kepada 2.2 peratus pada 2027, kekal sedikit lebih tinggi berbanding kadar zon euro.

Disebabkan peningkatan perbelanjaan pertahanan, defisit fiskal EU dijangka meningkat kepada 3.4 peratus daripada KDNK pada 2027, berbanding 3.1 peratus pada 2024.

Nisbah hutang kepada KDNK (debt-to-GDP ratio) EU pula diunjurkan meningkat daripada 84.5 peratus pada 2024 kepada 85 peratus pada 2027, dengan nisbah zon euro dijangka naik dari sekitar 88 peratus kepada 90.4 peratus.

Ramalan itu turut menekankan bahawa halangan perdagangan kini berada pada tahap tertinggi dalam sejarah secara global, dan EU kini berhadapan tarif purata yang lebih tinggi bagi eksport ke AS berbanding ramalan pada musim bunga.

Ketidaktentuan dasar perdagangan yang berterusan terus membebankan aktiviti ekonomi, dengan tarif dan sekatan bukan tarif berpotensi mengekang pertumbuhan EU lebih daripada yang dijangka. Sebarang peningkatan ketegangan geopolitik juga boleh meningkatkan kejutan bekalan (*supply shocks*), menurut laporan tersebut.

Pesuruhjaya Ekonomi EU, Valdis Dombrovskis berkata, memandangkan konteks luar yang mencabar, EU perlu mengambil tindakan tegas untuk membuka potensi pertumbuhan domestik.

"Ini bermaksud mempercepat usaha dalam agenda daya saing termasuk mempermudah

peraturan, melengkapkan Pasaran Tunggal dan menggalakkan inovasi," katanya. - ©XINHUA



FOTO bertarikh 29 Okt 2025 menunjukkan pemandangan jalan di Berlin, Jerman.

45 jemaah Republik India maut dalam kemalangan bas di Arab Saudi

NEW DELHI, 18 Nov. - Seramai 45 jemaah Republik India maut selepas bas yang mereka naiki terlibat dalam kemalangan di Arab Saudi, lapor Anadolu Ajansi memetik pegawai pada Isnin.

Kejadian berlaku di Madinah dan bas berkenaan membawa warganegara Republik India, menurut pihak berkuasa.

"Seramai 45 orang terkorban

dan hanya seorang terselamat dan kini dirawat di hospital," kata pegawai kanan polis negeri Telangana di selatan Republik India, V.C. Sajjanar, kepada pemberita.

Perdana Menteri Republik India Narendra Modi menerusi platform X menyatakan beliau "sangat sedih" dengan kejadian itu.

"Takziah saya ucapkan kepada

keluarga mangsa. Saya berdoa agar semua yang cedera segera sembuh," katanya.

Modi berkata Kedutaan Republik India di Riyadh dan Konsulat di Jeddah sedang memberikan segala bentuk bantuan yang diperlukan.

"Pegawai kami turut berhubung rapat dengan pihak berkuasa Arab Saudi," katanya. - ©BERNAMA

Samsung akan labur US\$309.1 bilion dalam 5 tahun akan datang

SEOUL, 17 Nov. - Gergasi teknologi Korea Selatan, Kumpulan Samsung mengumumkan pada Ahad pelan pelaburan bernilai 450 trilion won (US\$309.1 bilion) bagi tempoh lima tahun akan datang sebagai usaha mempertingkatkan pelaburan domestik selepas perjanjian perdagangan Korea Selatan dengan Amerika Syarikat (AS) dimuktamadkan, lapor Agensi Berita Yonhap.

Samsung Electronics Co., entiti utama konglomerat terbesar negara itu, akan memulakan pembinaan kerangka satu daripada loji cipnya di kompleks utama Pyeongtaek, yang menempatkan operasi pembuatan semikonduktor Samsung, menurut syarikat berkenaan.

Keputusan itu, yang turut merangkumi pelan pelaburan untuk penyelidikan dan pembangunan, dicapai dalam mesyuarat jawatankuasa pengurusan ad hoc baru-baru ini,

katanya.

Operasi pengeluaran cip baharu, Line 5, dijangka bermula secara komersial pada 2028, sekali gus membantu syarikat memenuhi peningkatan permintaan untuk cip memori berikutan lonjakan global Kecerdasan Buatan (AI).

Samsung SDS Co., unit teknologi maklumat Samsung, akan membina pusat data AI berskala besar di Wilayah Jeolla Selatan di barat daya negara itu. Pusat data AI itu menyasarkan memperoleh 15,000 unit pemproses grafik menjelang 2028 untuk disediakan kepada universiti, syarikat semula dan perusahaan kecil dan sederhana.

Unit pembuatan bateri, Samsung SDI Co., sedang meneliti pembukaan kemudahan pengeluaran domestik untuk bateri generasi baharu, termasuk bateri keadaan pepejal sepenuhnya, berkemungkinan di Bandar Ulsan di tenggara negara itu.

Samsung Display Co. pula dijangka memulakan pengeluaran penuh tahun depan di kilang diod pemancar cahaya organik generasi 8.6 yang kini dalam pembinaan di wilayah tengah Chungcheong Selatan.

Pengumuman terbaharu itu dibuat selepas Korea Selatan memuktamadkan perjanjian perdagangan dengan AS mengenai butiran pakej pelaburan bernilai US\$350 bilion di pasaran Amerika sebagai pertukaran untuk pengurangan tarif 'timbal balas' AS kepada 15 peratus daripada 25 peratus.

Terdahulu pada Ahad, ketua-ketua konglomerat utama Korea Selatan, termasuk Samsung, SK dan Hyundai, bertemu Presiden Lee Jae Myung untuk membincangkan langkah susulan selepas perjanjian perdagangan itu, termasuk usaha mengekalkan aliran pelaburan domestik. - ©BERNAMA

Lebih 70 sekolah di Australia ditutup akibat kebimbangan pencemaran asbestos

CANBERRA, 17 Nov. - Lebih 70 sekolah di Canberra diarah tutup pada Isnin susulan kebimbangan mengenai kemungkinan pencemaran asbestos daripada produk pasir hiasan, lapor Xinhua.

Kerajaan Wilayah Ibu Negara Australia (ACT) berkata 71 daripada 94 sekolah awam di Canberra dan kawasan sekitar akan ditutup pada Isnin selepas semakan menemukan penggunaan meluas produk pasir yang mengandungi asbestos.

Ia berlaku selepas 24 sekolah dan prasekolah di ACT ditutup sepenuhnya atau sebahagian pada Jumaat, dengan dua daripadanya dibuka semula pada Isnin.

Suruhanjaya Persaingan dan Pengguna Australia (ACCC) pada Rabu mengeluarkan notis penarikan balik terhadap sejenis pasir hiasan berwarna selepas ujian makmal mengesan asbestos jenis krisotil.

Pada Ahad, ACCC memaklumkan asbestos turut dikesan dalam empat lagi produk pasir dan memberi amaran bahawa ia mungkin menimbulkan risiko terhadap kesihatan awam.

Menteri Pendidikan ACT, Yvette Berry memberitahu radio Australian Broadcasting Corporation (ABC) bahawa risiko kesihatan kepada pelajar dan kakitangan adalah rendah, namun penutupan sekolah boleh berlarutan selama beberapa hari.

Pada Ahad, ACCC menjelaskan bahawa asbestos boleh disedut tidak ditemukan dalam sampel ujian dan pelepasannya hanya berpotensi berlaku sekiranya pasir itu dihancurkan atau digiling secara mekanikal. - ©BERNAMA

Muzium Agung Mesir dibanjiri pelawat sejak dibuka

KAHERAH, 17 Nov. - Muzium Agung Mesir melaksanakan beberapa langkah baharu bagi mengawal lonjakan pengunjung yang membanjiri muzium itu untuk melihat koleksi artifak Mesir purba sejak pembukaannya dua minggu lalu, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Mulai hujung minggu ini, tiket hanya boleh ditempa mengikut slot masa tertentu bagi memudahkan kawalan aliran pelawat.

Bermula awal Disember hingga ke tarikh yang akan dimaklumkan kemudian, pelawat juga dikehendaki membeli tiket secara dalam talian sebelum membuat kunjungan, menurut kenyataan pentadbiran muzium.

Muzium itu, yang terletak berhampiran Piramid, dibuka pada 1 November dalam satu majlis mewah yang dihadiri puluhan pemimpin dunia dan wakil media.

Jurucakap muzium berkata purata sekitar 19,000 pengunjung sehari untuk melihat koleksi yang merangkumi makam Firaun Tutankhamun dan perahu suria sepanjang 42 meter milik Raja Khufu atau Cheops.

Angka ini melebihi jangkaan pihak berkuasa Mesir.

Akhbar Mesir, al-Masry al-Yaum melaporkan peningkatan ketara minat rakyat Mesir terhadap sejarah mereka mereka susulan liputan media besar-besaran mengenai pembukaan muzium itu.

Jika jumlah pelawat kekal sepanjang tahun, Muzium Agung Mesir dijangka menjadi antara muzium paling ramai dikunjungi di dunia.

Hanya Louvre di Paris dan Muzium Negara China di Beijing mencatat purata pelawat yang lebih tinggi tahun lalu. - ©BERNAMA

900 pesakit di Gaza meninggal dunia akibat kelewatan pemindahan perubatan - WHO

GAZA, 17 Nov. - Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) berkata lebih 900 pesakit meninggal dunia ketika menunggu proses pemindahan rawatan berikutan sekatan Israel dalam mengeluarkan permit perjalanan bagi mendapatkan rawatan di luar Gaza, lapor Agensi Berita dan Maklumat Palestin (WAFA).

WHO menjelaskan bahawa kira-kira 16,500 pesakit masih menunggu kelulusan untuk

dipindahkan, termasuk 4,000 kanak-kanak yang memerlukan perubatan segera untuk menyelamatkan nyawa.

Pertubuhan itu memberi amaran bahawa sebarang kelewatan tambahan dalam menangani kes kritikal adalah bersamaan dengan hukuman mati. WHO turut menyatakan bahawa hospital di Gaza beroperasi pada kurang daripada separuh kapasiti akibat kekurangan bahan api, ubat-ubatan dan bekalan

penting.

Sejak Mei 2024, pertubuhan itu telah menjalankan 119 misi pemindahan perubatan dan berjaya memindahkan 8,000 pesakit untuk mendapatkan rawatan di luar Gaza, termasuk 5,500 kanak-kanak.

Bagaimanapun, ribuan pesakit kekal dalam keadaan kritikal dan berhadapan masa depan yang tidak menentu di tengah-tengah keruntuhan sistem kesihatan. - ©BERNAMA

SUKAN RIA ERATKAN HUBUNGAN, PERPADUAN MASYARAKAT



PANCHOR MURAI, Selasa, 18 November. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Panchor Murai dan Wasan dengan kerjasama penduduk kampung baru-baru ini menganjurkan acara Sukan Ria, sebagai usaha mengeratkan hubungan silaturahim serta memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat setempat.

Program yang diadakan di Padang Sekolah Rendah Kampung Panchor Murai ini bertujuan

mewujudkan suasana harmoni, sihat dan aktif melalui pelbagai aktiviti riadah dan sukan santai yang melibatkan penyertaan semua lapisan penduduk termasuk golongan belia, wanita dan keluarga.

Sukan Ria itu juga diisi dengan pelbagai aktiviti menarik antaranya sukan tradisional, pertandingan santai keluarga serta acara komuniti berteraskan nilai kekeluargaan dan kemasyarakatan. Hadir selaku tetamu kehormat, Penghulu Mukim Pengkalan Batu, Awang Haji Arfan bin Haji Yussof.

Ketua Kampung Panchor Murai dan Wasan selaku Pengerusi MPK Kampung Panchor Murai dan Wasan, Awang Moktal bin Haji Besar berkata bahawa penganjuran Sukan Ria tersebut bukan sahaja menjadi wadah riadah, tetapi turut berperanan sebagai platform untuk mengeratkan hubungan kejiiran serta memperkukuh semangat gotong-royong dalam komuniti.

"Kami berharap Sukan Ria ini

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Kampung Panchor Murai dan Wasan

dapat menjadi acara tahunan yang dinanti-nantikan oleh penduduk kampung sebagai lambang perpaduan dan kerjasama masyarakat," ujar beliau.

Acara tersebut dimulakan dengan sesi pemanasan badan

sebelum menjalankan aktiviti sukan yang turut disertai tetamu kehormat, Pengerusi MPK, serta penduduk Kampung Panchor Murai, Kampung Wasan, Kampung Batang Perhentian dan Kampung Imang.



SEKITAR dan suasana acara Sukan Ria yang diadakan di Padang Sekolah Rendah Kampung Panchor Murai (atas dan kiri)

Barek Peradian juara Victory Smash Cup

Siaran Akhbar dan Foto :Ihsan Omnislash



PENYAMPAIAN hadiah disempurnakan oleh Awang Mohammad Ali Hanafiah Yussof dari penaja SuperSmash kepada juara dan naib juara kejohanan tersebut (atas dan bawah).



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 November. - Omnislash buat julung kali menganjurkan Kejohanan Badminton Victory Smash Cup bagi Beregu Lelaki Kategori Intermediate yang menyaksikan seramai 32 pemain bersaing pada kejohanan tersebut, baru-baru ini.

Pasangan dari Kumpulan Barek Peradian iaitu Awang Mustapha bin Haji Abdul Hamid dan Awang Muhd. Zuhar bin Hamir muncul juara kejohanan. Sementara, Naib juara pertama pula ialah pasangan dari Kumpulan Larap, Awang Muhammad Faiz bin Haji Alinor dan Awangku Adi Aiman bin Pengiran Haji Jofri.

Manakala naib juara kedua pula, pasangan dari Kumpulan FD Team, Pengiran Hamdillah bin Pengiran Ahmad dan Awang Joemari Joe.

Kejohanan yang diadakan di Dewan Setenaga Tanjung Nangka itu dianjurkan dengan sokongan dan sumbangan daripada Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam, SuperSmash, Sunway Cube, Simply Affordable dan Dewan Setenaga Tanjung Nangka.

Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Awang Mohammad Ali Hanafiah Yussof, dari penaja SuperSmash.

Antara tujuan utama kejohanan ini diadakan adalah untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat dan aktif, sekali gus mengeratkan silaturahim serta mengembangkan sukan melalui badminton.

Mengeratkan silaturahim melalui kejohanan bola sepak

Berita dan Foto : Ihsan Persatuan Lun Bawang Murut Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 November. - Persatuan Lun Bawang Murut Brunei (PLBMB) mengadakan Kejohanan Bola Sepak 9 Orang Sepasukan bersempena 'Irau Tupeh Padey Tahun 2025'.

Kejohanan berkenaan berlangsung pada 14 dan 16 November 2025, bertempat di padang Kompleks Sukan Batu Apoi, Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang, Yang Di-Pertua Persatuan Lun Bawang Murut Brunei, Lt. Kol.(B) Awang Tamin bin Tuah.

Sebanyak 11 pasukan bertanding dalam kejohanan pada tahun ini. Pengerusi Kejohanan, Awang Sabtu bin Sitai menjelaskan matlamat kejohanan adalah untuk mengeratkan silaturahim dalam kalangan puak Murut di Negara Brunei Darussalam melalui sukan bola sepak.

Pasukan daripada 'Zon 4B' muncul juara kejohanan berkenaan setelah berjaya menewaskan pasukan daripada Zon 3 yang sekali gus menduduki naib juara melalui sepakan penalti 2 - 1, setelah jaringan 0 - 0 masa penuh.

Manakala, tempat ketiga pula disandang bersama oleh pasukan 'Zon 5A' dan 'Zon 4A'.



PASUKAN dari 'Zon 4B' berjaya merangkul juara Kejohanan Bola Sepak 9 Orang Sepasukan bersempena Irau Tupeh Padey Tahun 2025.

Cklamovski terkejut spekulasi masa depan bersama Harimau Malaya

KUALA LUMPUR, 17 Nov. - Ketua jurulatih skuad bola sepak kebangsaan Peter Cklamovski mengakui terkejut mendengar spekulasi mengaitkan masa depannya bersama Harimau Malaya yang dikatakan bakal berakhir dalam masa terdekat.

Pengendali dari Australia itu berkata beliau sebaliknya tidak mahu memberi tumpuan kepada spekulasi yang tular di media sosial berkenaan selain mengesahkan

akan terus mengemudi skuad negara buat masa ini.

"Ia agak mengejutkan saya tetapi itu adalah bola sepak dan perkara seperti itu boleh berlaku. Apa yang paling penting bagi saya sekarang ialah mengenai hari ini (persediaan pasukan), kemudian pastikan kami melakukan perkara yang betul esok dan mengutip tiga mata.

"Menamatkan tahun ini di puncak dan terus memberikan keyakinan negara kepada pasukan yang

sedang kami bentuk. Itu sahaja yang saya fikirkan sekarang," katanya pada sidang media praperlawanan pusingan kelayakan Piala Asia 2027 menentang Nepal, di sini, hari ini.

Cklamovski berkata fokus utamanya ketika ini adalah mempersiapkan pasukan bagi memastikan anak buahnya meraih tiga mata penting ketika menentang Nepal pada aksi Kumpulan 'F' kelayakan Piala Asia 2027 di

Stadium Nasional Bukit Jalil esok. Sabtu lepas, Pemangku Presiden Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) Datuk Mohd. Yusoff Mahadi menganggap isu masa depan ketua jurulatih Harimau Malaya itu hanya spekulasi liar.

Dalam pada itu, Cklamovski menyifatkan anak buahnya bersedia untuk sekali lagi menggempur pasukan Nepal selepas memenangi perlawanan

pertama pusingan kelayakan pada Mac lepas.

"Saya mencabar pasukan untuk bermain bola sepak dengan baik, menjaringkan seberapa banyak gol yang mereka boleh. Mereka (Nepal) datang dengan pengurus baharu (Hari Khadka) dan mereka akan berusaha menghalang kami tetapi perkara yang paling penting ialah kami perlu mengawal permainan," katanya.

- ©BERNAMA



BERKENAN MENYAKSIKAN PERTANDINGAN SUKAN LAWAN PEDANG

Siaran Akhbar dan Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Perpaduan Islam Ke-6



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama pasukan sukan lawan pedang negara dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Awang Haji Harun bin Haji Junid.

RIYADH, ARAB SAUDI, Selasa, 18 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja

Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden

Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat menyaksikan Pertandingan Sukan Lawan Pedang di Boulevard 01C yang melibatkan atlet negara iaitu Dayang Hajah Anis Sabrina binti Haji Yahya dalam acara Women's Individual Sabre.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah telah dijunjung oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Awang Haji Harun bin Haji Junid.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan mengurniakan sabda nasihat dan kata-kata motivasi kepada para atlet sukan lawan pedang negara.

DYTM kemudian berkenan bergambar ramai bersama pasukan sukan lawan pedang negara dan Tuan Yang Terutama

Awang Haji Harun bin Haji Junid.

Dayang Hajah Anis Sabrina melawan Nil Gungor atlet dari Republik Turkiye dalam pusingan Round 16 dengan mengutip 8 mata berbalas 15.

Kategori Women's Individual

Sabre telah diikuti oleh 12 atlet dari tujuh buah negara iaitu, Algeria, Azerbaijan, Uzbekistan, Republik Indonesia, Republik Turkiye, Cameroon, dan Negara Brunei Darussalam serta dibahagikan kepada dua pool.



Skuad Kebangsaan NBD tidak bernasib baik



BERIKUTAN perlawanan tersebut, skuad kebangsaan negara gagal untuk mara setelah menduduki tempat ketiga, manakala skuad kebangsaan Lubnan kekal di tangga pertama Kumpulan Kelayakan B tanpa kalah, sekali gus layak untuk mara ke pusingan seterusnya.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BERAKAS, Selasa, 18 November. - Skuad Bolasepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) tumpas di tangan pasukan Lubnan dengan keputusan berakhir 0 - 3 pada Piala Asia AFC, Kumpulan

Kelayakan B yang berlangsung malam tadi di Stadium Negara Hassanah Bolkiah, Berakas, di sini.

Babak pertama perlawanan menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas

serangan namun nasib lebih memihak kepada pasukan Lubnan apabila pemain pertahanan pasukan skuad kebangsaan ketinggalan 0 - 1 seawal minit ke-3.

Gol tersebut tercetus apabila pemain pertahanan negara melakukan kesilapan membolehkan Hussein

Ezzeddine merebut bola.

Beliau kemudiannya memberikan umpanan tepat kepada Malek Fakhro yang tidak melepaskan peluang dengan melepaskan rembatan jarak jauh yang tidak dapat ditahan oleh penjaga gol tuan rumah.

Pemain tengah Lubnan, Samy Jr. Merheg terlepas peluang untuk menggandakan kedudukan pada minit ke-32, gagal memanfaatkan sepakan penalti yang dihadiahkan oleh pengadil.

Penalti dihadiahkan oleh pengadil setelah pemain pertahanan tuan rumah dikesan melakukan sentuhan tangan di dalam kotak penalti, yang kemudiannya berjaya diselamatkan oleh penjaga gawang pasukan tuan rumah, Awang Haimie Abdullah Nyaring.

Tepat sebelum wisel separuh masa berbunyi, pasukan pelawat akhirnya menggandakan kedudukan.

Samy Jr. Merheg menjadi wira apabila beliau melonjak untuk

menanduk masuk hantaran silang daripada kapten pasukan, Mohamad Haidar, pada minit ke-45+1.

Separuh masa kedua menyaksikan pasukan Lubnan dengan bijak mengawal permainan.

Baru saja masuk, Omar Bugiel langsung menjadi pahlawan dengan menanduk bola ke gawang pada minit ke-59, menyelesaikan umpan penjuru dari Mohamad Haidar.

Keputusan perlawanan kekal 0 - 3 sehingga pengadil meniupkan wisel penamat.

Berikutan perlawanan berkenaan, skuad kebangsaan Lubnan kekal di tangga pertama Kumpulan Kelayakan B tanpa kalah, sekali gus layak untuk mara ke pusingan seterusnya, diikuti oleh pasukan Yemen yang menduduki di tempat kedua.

Sementara skuad kebangsaan negara dan pasukan Bhutan masing-masing gagal untuk mara setelah menduduki tempat ketiga dan keempat.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

KEBERKATAN DALAM HARTA BERMAKSUD HARTA YANG DIGUNAKAN UNTUK BERINFAK DI JALAN ALLAH